

BAB III

Pedagang dan Perdagangan Melayu

- III.1 Pedagang Melayu - Siapa Mereka?
- III.2 Undang-undang Perdagangan Melayu
- III.3 Cara Berdagang dan Perhubungan dengan Pedagang Asing.

III.1. Pedagang Melayu - Siapa Mereka?

Seperti yang telah dijelaskan dalam bab pengenalan, agak sukar untuk mengelam siapa pedagang-pedagang Melayu itu. Hikayat-hikayat Melayu lama seperti *Sejarah Melayu*, *Bustanus Salatin*, *Hikayat Aceh* dan *Misa Melayu*, tidak pernah menyebut tentang wujudnya saudagar-saudagar Melayu. Apa yang tercatat hanyalah tentang orang-orang Melayu yang mempunyai kapal dan nakhoda-nakhoda Melayu. Namun demikian daripada catatan-catatan luar seperti catatan Portugis, Cina, Inggeris dan Belanda dapat diketahui bahawa para pembesar termasuk raja (sultan) merupakan golongan entrepreneur Melayu.¹ Namun demikian golongan bangsawan ini tidak menjalankan secara terus perdagangannya kerana menganggap satu keaiban kepada raja-raja berdagang. Perkara ini pernah dijelaskan oleh Sultan Hussain Syah Singapura kepada Stamford Raffles ketika Raffles mencadangkan supaya sultan itu bermiaga untuk mendapatkan pendapatan tambahan.² Mereka menggunakan agen, khususnya dalam perdagangan maritim. Biasanya mereka merupakan tuan-tuan kapal dan barang dagangan (*cargo*) dan mewakilkan saudagar-saudagar atau kiwi³ yang belayar di dalam kapal itu sebagai agen atau mentauliahkan nakhoda kapal itu

¹ J Crawfurd mencatatkan bahawa di antara puak utama yang menjalankan perdagangan secara besar-besaran di Kepulauan Melayu ini adalah puak Melayu. Lihat J Crawfurd, *History of The Indian Archipelago*, Vol III, Edinburgh:Archibald Constable, 1820, h. 148. Namun demikian harus diingat sebahagian besar daripada pedagang ini datangnya dari kalangan aristokrat, bukan dari rakyat biasa. Lihat B.Schrieke, *Indonesian Sociological Studies*, pt.1, The Hague:W.van Hoeve Pub., 1966, h. 28.

² Lihat Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, *op.cit* , h. 192.

³ Perkataan *kiwi* dipercayai berasal daripada bahasa Cina loghat Amoy yang bermaksud ruang penumpang. Dalam *Undang-undang Laut Melaka*, *kiwi* dimaksudkan pedagang yang belayar bersama kapal dan mempunyai saham/kongsi kargo yang dibawanya. Lihat A.Reid, *Southeast Asia in The Age of Commerce, 1450-1680*, Vol.2, New Haven: Yale University Press, 1993, h. 50

sebagai wakilnya untuk mendagangkan barang kepunyaannya.⁴ Malah jika mengikut laporan Pires, dalam setiap jong yang belayar keluar dari Melaka terdapat saham sultan di dalamnya.⁵ Van Leur menyamakan kedudukan mereka ini dengan para kapitalis Eropah pada abad ke-15 dan 16M.⁶ Namun demikian wujud juga beberapa kekecualian. Kelihatannya raja-raja yang ekonomi kerajaannya berasaskan pertanian, khususnya raja-raja perdalaman seperti Sultan Agung Mataram (1613-1645M) dan raja-raja Pagaruyung (Minangkabau) merupakan raja-raja yang tidak berkecimpung dalam perdagangan. Mereka tidak seperti raja-raja pesisir yang bukan sahaja memperolehi keuntungan daripada cukai perdagangan di pelabuhan mereka, tetapi juga secara peribadi melibatkan diri dalam perdagangan itu. Ketika seorang utusan *V.O.C.* bernama Rijcklef van Goens mengunjungi Sultan Agung, Mataram untuk mendapatkan konsesi perdagangan, beliau diberi tahu bahawa baginda (Sultan Agung) bukanlah seorang pedagang seperti Sultan Banten.⁷

Raja-raja yang memerintah selalunya menggunakan perkhidmatan seorang pedagang yang berpengalaman bagi mengendalikan segala urusan perdagangannya. Saudagar ini dikenali sebagai **Saudagar Raja**. Kedudukan pedagang ini begitu tinggi hingga hampir menyamai pegawai negeri, malah ada yang sebenarnya mengendalikan

⁴ M.A.P Meilink-Roelofsz, *Asian Trade and European Influence in The Indonesian Archipelago*, The Hague: Martinus Nijhoff, 1969, h. 8. Lihat juga A.Cortesao (ed), *Suma Oriental of Tome Pires*, The Hakluyt Soc., 1967, h. 283-84.

⁵ *Ibid.*, h.251.

⁶ Lihat M.A.P Meilink-Roelofsz, *op.cit.*, h. 7.

⁷ Uka Tjandrasasmita (ed), *Sejarah Nasional Indonesia III*, Banda Aceh:Pusat Dokumentasi dan Informasi Aceh, 1975, h. 35.

pemerintahan negeri.⁸ Dalam sebuah laporan pelaut Perancis pada tahun 1769M, Saudagar Raja Terengganu dikatakan mengendalikan hal-hal kewangan dan perdagangan negeri itu.⁹ Seperti syahbandar, saudagar raja ini biasanya orang asing.¹⁰ Ada juga kemungkinan para syahbandar itu memainkan peranan yang sama dengan saudagar raja.¹¹

Orang asing itu dikatakan lebih sesuai dilantik menjadi saudagar raja kerana calon untuk jadi saudagar raja itu perlu mempunyai beberapa ciri yang istimewa terutama pengalaman dan pengetahuan yang luas dalam berdagang. Mereka juga mesti mampu berhubung dengan mudah dengan saudagar asing tidak kira dari bangsa Asia atau Eropah. Mengikut Andaya hanya sedikit sahaja orang Melayu yang mempunyai kemampuan ini.¹² Ada juga kemungkinan yang penggunaan seorang asing bagi mengendalikan perdagangan raja akan memudahkan raja bertindak ke atas mereka bila perkhidmatan mereka tidak diperlukan lagi. Tindakan Sultan Iskandar Perak menyingkirkan Saudagar Piro umpamanya adalah satu contoh yang jelas,¹³ begitu

⁸ Dalam sebuah catatannya, F Light menyatakan bahawa Saudagar Raja Kedah, seorang Culia bernama Jamal begitu bijak hingga kelihatan seolah-olah beliau yang menjalankan kegiatan pemerintahan negeri. Lihat B W Andaya, "The Indian *Saudagar Raja* (The King Merchant) in Traditional Malay Courts," dlm. *JMBRAS*, Vol.51, Pt.1, 1978, h. 27

⁹ J. Dunmore, "French Visitors to Terengganu in The Eighteenth Century," dlm. *JMBRAS*, Vol.46, Pt.1, 1973, h. 157.

¹⁰ B.W. Andaya menyatakan:

"*The position of foreigners, notably Indians, as intermediaries between Europeans and trading princes in the Indonesian archipelago has long been recognised, and a number of historians have singled out the post of syahbandar, one often held by Indians, as being vital in the commercial relationship between incoming traders and the court.*" Lihat B.W. Andaya, *op cit*, h. 13.

¹¹ Lihat nota kaki No.8, *ibid*, h. 14.

¹² *Ibid.*, h. 19.

¹³ Lihat Raja Chulan, *Misa Melayu*, Kuala Lumpur:Pustaka Antara, 1966, h. 60-61.

juga tindakan Sultan Terengganu merampas semua harta Saudagar Raja Nasruddin selepas kematian beliau, sehingga adik beliau terpaksa mengadu kepada Francis Light.¹⁴

Namun demikian jawatan ini tidak pernah dikenali dalam zaman Melaka. *Sejarah Melayu* mahupun Tome Pires tidak pernah menyebutnya. Ia mungkin wujud pada sekitar abad ke-17M setelah raja-raja Melayu itu merasakan pentingnya untuk mewujudkan sebuah institusi bagi mengendalikan segala transaksi perdagangan mereka.¹⁵ Jawatan ini dikatakan mungkin hasil daripada adaptasi kegiatan syarikat-syarikat Eropah yang melantik wakil-wakil yang terdiri daripada orang Eropah atau Asia sebagai agen perdagangan mereka dan memberi gelaran serta ganjaran. Sebagai contoh, oleh kerana jasanya menjadi orang tengah dalam penjualan gajah, seorang saudagar Keling (India Muslim) bernama Tambi Kecil telah diberi hadiah dan gelaran oleh Sultan Iskandar Zulkarnain (1756-1770), Perak.¹⁶ Beliau digelar Raja Mutabar Khan, gelaran yang sama dengan gelaran syahbandar utama di Aceh.

Jawatan ini masih tidak wujud di Kedah hingga ke tahun 1670-an. *Undang-undang Kedah 1060H* (1650M) tidak ada menyebut tentang jawatan ini, begitu juga dengan T.Bowery yang singgah di Kedah sekitar tahun 1670-an. Oleh itu berkemungkinan besar jawatan itu mula diperkenalkan di Kedah selepas 1670-an ketika

¹⁴ Lihat surat Saudagar Priya adik kepada Saudagar Nasruddin, Terengganu kepada Francis Light dalam W Marsden, *A Dictionary and Grammar of The Malayan Language*, Vol.2, Singapore:Oxford University Press, 1984, h. 144-45.

¹⁵ B.W.Andaya, *op.cit.*, h. 14.

¹⁶ Raja Chulan, *op.cit.*, h. 79.

perdagangannya dengan dunia luar, khususnya dengan orang Barat lebih meningkat. Ketika J.A.Pope singgah di Kedah pada 1786M, beliau ada menyebut tentang *King's Merchant* (saudagar raja) yang disangkakannya juga sebagai Perdana Menteri negeri itu.¹⁷

Walaupun jawatan ini dapat membawa kekayaan yang melimpah ruah, akan tetapi kedudukan itu tidak sebeginu selesa seperti yang dijangkakan. Mengikut de Failie, walaupun mereka ini merupakan orang kepercayaan raja, akan tetapi mereka juga merupakan sumber wang kepada raja. Segala keistimewaan dan hadiah yang diberikan oleh raja kepada mereka mestilah digunakan seberapa mungkin untuk mendapatkan keuntungan untuk raja. Mereka sebenarnya telah menjadi milik raja. Ini termasuklah anak isteri mereka. Mereka berkewajipan untuk membiayai segala belanja raja khususnya yang luar biasa dan membawakan hadiah dan barang-barangan yang diingini oleh raja dan keluarganya. Perkara ini jelas dalam kes Saudagar Raja Nasaruddin, Terengganu.¹⁸

Catatan terawal tentang wujudnya entrepreneur Melayu ini ditulis oleh Tome Pires. Beliau menyatakan Sultan Muzafar Syah Melaka adalah seorang pedagang besar yang

¹⁷ Lihat A. Bulley (ed), *Free Mariner*, London:BACCA, 1992, h. 59.

Kemungkinan besar *King's Merchant* yang disebut oleh Pope itu adalah Saudagar Raja Jamal yang dianggap oleh Francis Light sebagai seorang yang bijak hingga kelihatan seolah-olah dia adalah yang menjalankan pemerintahan negeri. Lihat B.W.Andaya, *op.cit.*, h. 27.

Di antara Saudagar Raja yang terkenal pada abad ke-18M di Tanah Melayu ialah Saudagar Jamal di Kedah dan Saudagar Nasruddin di Terengganu. Sebuah laporan daripada Lieutenant Pottier del Hormes, seorang pegawai kapal Prancis, *St.Jean Baptiste* yang singgah di Terengganu dalam tahun 1769M, menyebut bahawa Saudagar Raja negeri itu bernama Jehie Boneson. Lihat J.Dunmore (ter), "French Visitors to Trengganu in the Eighteenth Century," dlm. *JMBRAS*, Vol 46, Pt. I, 1973, h. 155.

¹⁸ P.De Roo de Faille, *Dari Zaman Kesultanan Palembang*, Jakarta:Bhratara, 1971, h. 36-37.

mempunyai banyak kapal perdagangan.¹⁹ Raja sebagai saudagar utama di sesebuah negeri Melayu itu memang banyak dicatatkan oleh penulis-penulis Barat. Malah ada yang mencatatkan bahawa raja itu sebagai satu-satunya pedagang di dalam negerinya seperti kes Sultan Mansur Syah Terengganu (1741-1793M). Tiga buah laporan daripada pegawai sebuah kapal Prancis, *St.Jean Baptiste* yang singgah di Terengganu selama empat hari pada 28 Julai - 1 Ogos 1769, menggambarkan bahawa Sultan itu adalah seorang enteprener yang besar. Captain Labe', kapten kedua kapal itu antara lain mencatatkan;

*"Terdapat ramai orang Cina yang tinggal di sini dan mereka ini semuanya pedagang-pedagang kecil dan mempunyai lima atau enam buah kapal yang mereka kirim ke beberapa tempat lain. Raja mempunyai sahamnya dalam perdagangan ini dan mengendalikan semua perdagangan laut dengan pihak Eropah secara sendirian. Baginda juga menyewa kapal-kapal orang Cina itu untuk membawa beras yang diperlukan oleh rakyatnya yang sungguhpun wujud kesuburan di negara itu, tetapi terlalu malas untuk menanam secukupnya bagi makanan dalam negeri itu."*²⁰

Lieutenant Pottier del' Horme pula mencatatkan;

"Baginda (Mansur Syah) merupakan satu-satunya pedagang negaranya. Tidak ada perdagangan yang dijalankan melainkan atas namanya. Baginda mengendalikan sendiri perdagangan dengan orang-orang asing yang datang berdagang di negaranya.

Rakyatnya yang ingin mempunyai kapal perlu menyewakannya kepada baginda. Baginda akan mengirimkannya ke Kemboja, Siam, Cochin-china, China dan ke

¹⁹ Tome Pires mencatatkan;

"He was a great man of justice; he bought and built junks and sent them out with merchants, for which even today the old merchants of the said king's time prize him greatly, especially as a very just man." Lihat A.Cortesao (ed), *op.cit.*, h. 243.

Pires juga mencatatkan bahawa di Melaka ramai terdapat pedagang runcit yang terdiri daripada kaum wanita. Mereka ini berjual di lorong-lorong dan dibenarkan membuka warung di hadapan rumah kediaman mereka. *Ibid*, h. 274. Pires juga menyatakan bahawa banyak kapal Melayu dan Jawa datang ke Canton dan berlabuh di Pulau Tumon, 3.2 batu dari pantai. Pedagang-pedagang Cina cukup takut kepada mereka kerana sebuah jong orang Melayu atau Jawa itu dapat mengalahkan 20 jong Cina. *Ibid*, h. 122-23. Namun demikian tidak jelas di sini apa yang dimaksudkan oleh Pires. Adakah pedagang-pedagang Cina itu takut kepada pedagang-pedagang Melayu atau Jawa itu atau kepada pelautnya.

²⁰ J.Dunmore (ter), *op.cit.*, h. 148. Tentang hal ini lihat juga J.Crawfurd, *op.cit.*, h. 152.

*tempat-tempat lain di utara negerinya. Sesetengahnya akan belayar ke Jawa, Sumatera dan Meluku dan ke tempat-tempat lain di selat; akan tetapi sekiranya pihak Belanda dapat menangkap mereka, orang dan kapal-kapal itu akan ditawan jika kapal-kapal itu membawa barang lain selain daripada beras yang diperlukan oleh mereka sebagai makanan utama. Beras yang dihasilkan dalam negeri tidak mencukupi; saya rasa perkara ini adalah kerana sikap semula jadi orang-orang Melayu yang tidak suka berkerja, kerana tanah di negara itu kelihatan begitu baik.*²¹

Di dalam sesebuah negeri yang hanya menghasilkan sedikit hasil dagangan seperti Terengganu, kepentingan raja lebih menonjol. Biasanya rajalah yang memonopoli perdagangan barang itu. Bagindalah yang menentukan harga, cukai, tol serta jumlah barang yang patut didagangkan.²² Keadaan yang sama juga berlaku di Perak. Walaupun Sultan bukanlah orang yang memonopoli seluruh perdagangan timah di negeri itu, akan tetapi baginda merupakan pedagang timah yang terbesar.²³ Ada kalanya Sultan sendiri telah keluar untuk menjual timahnya. Sebagai contoh Sultan Iskandar (1752-1765M) Perak pada bulan Februari 1758 telah membawa timahnya untuk dijual di pos Belanda di Kuala Bidor.²⁴

²¹ J.Dunmore (ter), *op.cit.*, h. 153. Laporan seorang lagi pegawai kapal itu, Pierre Monneron juga menjelaskan bahawa Sultan Mansur adalah seorang pedagang besar dan satu-satunya pedagang dalam negaranya. Monneron menyatakan;

"The King is called Sultan Mansourou and is the only merchant of his kingdom; all business is transacted for his account, he deals himself with foreigners and from what we are told it seems that his occupation and his cares consisting in protecting all those who come to trade in his realm. The inhabitants of Trongannon who own ships are forced to lend them to the King who sends them to Cambodia, Siam and other places north of his states; some also go to Java. They take on rice for the subsistence of his people who do not grow enough for their needs. Nevertheless the country seems to be extremely fertile." *Ibid.*, 157.

²² B.W.Andaya, *op.cit.*, h. 15.

²³ Lihat B.W.Andaya, *Perak: The Abode of Grace, A Study of an Eighteen Century Malay State*, Kuala Lumpur:Oxford University Press, 1979, h. 139.

²⁴ *Ibid.*, h. 142. Oleh kerana itu dakwaan J.Crawfurd yang mengatakan hampir keseluruhan perdagangan besar-besaran adalah di tangan orang asing tidaklah benar. Lihat J.Crawfurd, *op.cit.*, h. 144.

Pedagang-pedagang asing tidak dibenarkan berdagang terus dengan penduduk tempatan. Semua transeksi mestilah melalui pegawai kerajaan. Di Aceh semua perdagangan dengan orang Barat akan dikendalikan oleh syahbandar manakala perdagangan dengan orang tempatan akan dikendalikan oleh para *uleebalang* (hulubalang).²⁵ Dicatatkan juga bahawa Sultan Abdul Jalil, Johor (1623-1677M) mempunyai kapal-kapalnya sendiri.²⁶ Begitu juga dengan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, Aceh (1607-1636M),²⁷ Sultan Iskandar Zulkarnain, Perak (1752-1765M),²⁸ Sultan Mansur Syah, Terengganu (1741-1793M),²⁹ Sultan Abdullah Mukarram Syah 1778-1789.³⁰

Raja dan sultan juga menjalankan sejenis perdagangan monopoli yang dikenali di Palembang sebagai *tiban-tukon*. Dalam perdagangan ini, sultan atau ketua negara akan membeli barang asas seperti besi, kain dan garam dengan harga yang istimewa (murah) daripada pedagang-pedagang asing, kemudian barang-barang ini

²⁵ K.F.H. Van Langen, *Susunan Pemerintahan Aceh Semasa Kesultanan*, Banda Aceh: Pusat Dokumentasi dan Informasi Aceh, 1986, h. 60.

²⁶ Lihat L.Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987, h. 94-95. Dalam satu catatan Belanda, dikatakan bahawa Gabenor Jeneral Belanda di Betawi, Antonio van Diemen bersedia memberikan pas pelayaran kepada 50 buah kapal kepunyaan baginda untuk belayar ke Patani, Siam, Kembuja dan Jawa. *Ibid.*, h. 83.

²⁷ B.W. Andaya, *loc.cit.*, 1978, h. 15. Seorang laksamana Prancis bernama Augustin de Beaulieu pernah mencatatkan tentang kegiatan perdagangan Iskandar Muda. Antara lain Beaulieu mencatatkan:

“...raja mengendalikan hampir seluruh perdagangan dan sangat bersimaharajalela terhadap kaum dagang serta mengambil keuntungan besar; ...” Lihat D. Lombard, *Kerajaan Aceh*, Jakarta: Balai Pustaka, 1986, h. 139.

²⁸ B.W. Andaya, *loc.cit.*, 1979, h. 141

²⁹ J. Dunmore (ter), *op.cit.*, h. 157

³⁰ Dalam sepucuk surat baginda kepada Francis Light, baginda menyatakan bahawa baginda sedang menyiapakan kapal baginda dua buah untuk berangkat membawa orang-orang yang hendak ke ke Tanah Arab berserta dengan sedikit barang dagangan. Lihat Surat 14, *Light Letters*, ms 40320/1, No.20 Acheen, Langkat and Batu Bara.

akan dijual kepada rakyat di perdalaman dengan harga yang kadangkala berlipat ganda. Rakyat diwajibkan membeli barang-barangan itu.³¹

Selain daripada raja atau sultan, pembesar-pembesar negeri dan anak-anak raja juga merupakan pedagang-pedagang besar dalam negeri Melayu. Oleh kerana kedudukannya sebagai “raja laut” biasanya laksamana memainkan peranan utama dalam perdagangan ini selain daripada Saudagar Raja yang mewakili Sultan. Di antara laksamana negeri-negeri Melayu yang berkecimpung dalam perdagangan ini pada abad ke-18M termasuklah Laksamana Johor-Riau, Laksamana Perak dan Laksamana Kedah. Di samping itu, orang-orang besar negeri yang lain juga turut berdagang termasuklah Bendahara dan Temenggung. Anak-anak raja dan Orang-orang Kaya juga memainkan peranan mereka dalam perdagangan, malah kekayaan yang mereka perolehi itu sebahagian besarnya hasil daripada perdagangan. Di Aceh, para *uleebalang* (hulubalang) yang menguasai sesuatu daerah itu merupakan pedagang-pedagang utama daerahnya. Seringnya mereka menjalankan perdagangan cara monopolii.³²

Pada sekitar suku awal abad ke-18M, perdagangan di Johor meningkat dengan pesat hasil usaha Raja Mudanya, Tengku Mahmud. Selain daripada bertindak memaksa perdagangan antarabangsa hanya dijalankan di pelabuhan Johor atau Riau, baginda sendiri menjalankan perdagangan peribadinya. Raja Muda Johor ini dilaporkan

³¹ P. de Roo de Faille, *op.cit.*, h. 48-49.

³² K.F.H.Van Langen, *op.cit.*, h. 59.

mempunyai perdagangan seberang laut yang besar. Pada tahun 1701M, baginda telah mengirimkan kapal dagangnya ke Bengala dan pada tahun 1708M ke Negapatnam. Barang dagangan yang dikirim ke Negapatnam itu dikatakan bernilai kira-kira \$8000/. Baginda juga telah mengirim kapal-kapal dagangnya ke Makassar dan China. Baginda dikatakan pernah berkerjasama dengan A.Hamilton seorang pedagang *country trader* Inggeris untuk mendagangkan candu di Melaka. Hingga ke tahun 1718M, baginda dipercayai merupakan seorang yang sangat kaya.³³

Di samping pedagang borong terdapat juga pedagang runcit yang menjalankan kegiatan perdagangan mereka di sekitar kawasan ini. Dalam hal perdagangan runcit ini, tidak kelihatan wujudnya monopoli. Walaupun kelihatannya perdagangan runcit ini banyak dijalankan oleh pedagang tempatan, namun demikian terdapat juga ramai pedagang asing yang menjalankan perdagangan runcit di sekitar Asia Tenggara ini, khususnya pedagang Cina dan India. Sekitar separuh pertama abad ke-17M, terdapat 6 ke 7 ribu pedagang kecil-kecilan Cina ini yang telah datang ke Asia Tenggara.³⁴ Dalam laporannya, J.A.Pope menyatakan bahawa ketika beliau singgah di Kedah dalam bulan April 1786, beliau mendapati bahawa hampir kesemua kedai yang terdapat di kawasan bazar di Alor Star dikendalikan oleh orang Culia dan Cina.³⁵ Di samping itu di Terengganu juga ramai terdapat pedagang runcit Cina hingga salah sebuah lorong di kota itu dikhaskan untuk mereka.³⁶ Nampaknya hanya

³³ D.Lewis, *Jan Campigne in The Straits of Malacca, 1641-1795*, Athens:Ohio University Centre for International Studies, 1995, h. 42.

³⁴ J.C.van Leur, *Indonesia Trade and Society*, The Hague:W van Hoeve Pub. House, 1967, h. 198.

³⁵ A.Bulley (ed), *Free Martiner*, London:BACSA, 1992, h. 59.

³⁶ J.Dunmore (ter), *op.cit.*, h. 152.

perdagangan borong yang tidak dibenarkan dijalankan terus dengan rakyat tempatan. Selain daripada pedagang runcit keturunan Cina dan India, terdapat juga ramai pedagang runcit Melayu yang berkeliaran di sekitar pelabuhan dan kawasan perdalamam bagi menjual barang yang diimport dan membeli hasil barang untuk dieksport.³⁷ Malah jika mengikut pendapat J.Crawfurd, di kalangan peribumi berdagang dengan modal yang besar merupakan sesuatu yang tidak diketahui. Katanya setiap pedagang peribumi itu hanyalah pedagang runcit (*petty retailer*) atau tuan kedai.³⁸ Nilai barang mereka juga tidak melebihi beberapa ringgit.³⁹ Mereka ini termasuk juga anak-anak raja yang berkelana seperti Raja Kecil Siak yang menjadi pedagang runcit sebelum baginda dapat mengumpul pengikut bagi menyerang Johor.

Hikayat Siak menyatakan;

³⁷ Terdapat ramai pedagang Melayu yang berurusan dengan Francis Light di Pulau Pinang. Di antara mereka seperti Long Ismail dari Kedah dan Long Fatimah dari Perlis. Lihat surat daripada Long Ismail kepada Kapitan Light Dewa Raja, Gurnador Pulau Pinang, surat 17 & 20, *Light Letters*, MS 403203/3, Perpustakaan S.O.A.S., University London. Di samping itu dalam *Light Letters*, no 22, MS40320/3 terdapat satu daftar nama pedagang Melayu yang berhutang.

³⁸ Bait ini fasal piutang Raja Phalun dan Raja Dibumakat dan bendahari Muhammad Lebai pada orang Pulau Pinang.

- Pertama2 pada Cik Bakar tujuh puluh dua rial suku.
- Dan ambilan Jurumudi tiga puluh empat rial.
- Dan ambilan Cik Man Pulau Pinang seratus empat puluh tiga emas jadi rial tujuh puluh tengah dua rial.
- Dan ambilan Cik Buyung seratus rial.
- Dan ambilan Cik Malim (Malam?) dulapan rial.
- Dan sebalik pula ambilan Cik Man kepada Malim Emas tiga puluh rial.
- Dan ambilan Cik Kampit kepada Malim Emas lima belas rial.
- Dan ambilan Cik Jinal kepada Tahir Syiekh tiga puluh tujuh rial empat suku.
- Dan sebagai pula ambilan Cik Jinal pada Dato' Mariamar Ajidiwa lima rial.
- Jadi jumlah tiga ratus tujuh rial tengah dua suku. Tamat.

Lihat juga surat seorang pedagang bernama Wan Ngah kepada Toh Kaya Kapitan (Francis Light) dalam R.Jones, "Two Malay Letters Written by Sultan Mahmud Jiwa Muazzam Shah of Kedah to Captain Francis Light," dlm. *Alor Star 250 Tahun*, Alor Star:Kerajaan Negeri Kedah Darulaman, 1990, h. 44.

³⁹ J.Crawfurd, *op.cit*, h. 143.

⁴⁰ *Ibid.*, h. 145.

“Tiada berapa lamanya, maka sampailah ke Siak, dan lalu pergi ke Bukit Batu. Dan baginda tiada memeliharakan dirinya, lalu baginda membeli terubuk dan telurnya, lalu dibawa mudik ke Siak, berjual beli, pulang pergi.”⁴⁰

Daripada catatan-catatan pengembara seperti Tome Pires, Beaulieu dan juga Abdullah Munshi, diketahui bahawa wanita juga memainkan peranan penting dalam perdagangan runcit. Pires mencatatkan bahawa di Melaka wanita-wanita menjalankan perdagangan runcit di hadapan rumah-rumah mereka.⁴¹ Di Aceh dikatakan sebahagian besar pengurup wangnya terdiri daripada wanita.⁴² Dan di awal abad ke-19M. Abdullah Munshi mencatatkan bahawa penjaja-penjaja di pasar di Terengganu dan Kelantan semuanya terdiri daripada wanita.⁴³

Peruncit-peruncit ini bukan hanya berkeliaran di sekitar negeri Melayu tetapi juga hingga ke Siam dan Indochina. Dalam satu laporan Belanda pada tahun 1642M, dicatatkan bahawa mereka telah menemui seorang pedagang Melayu di Vientiane yang sering membuat perjalanan perdagangan enam hari perjalanan ke kawasan pergunungan di belakang Vientiane.⁴⁴

⁴⁰ Muhammad Yusoff Hashim (ed), *Hikayat Stak*, Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, h. 123.

⁴¹ A.Cortesao (ed), *op.cit.*, h. 274.

⁴² D.Lombard, *op.cit.*, h. 67.

⁴³ Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, *Kesah Pelayaran Abdullah*, Singapura:Malaya Pub.House, 1928, h. 34, 39 & 64.

⁴⁴ A.Reid, *Southeast Asia in the Age of Commerce 1450-1680*, Vol.2, New Haven:Yale University Press, 1993, h. 53.

Mengenai kegiatan raja-raja dan pembesar Melayu berdagang ini banyak dicatatkan di dalam laporan-laporan Belanda abad ke-17M. Dalam *Daghregister* 1631-1634 dan 1636M, dilaporkan tentang kegiatan raja-raja Melayu ini dalam perdagangan dan perkapanan. Dikatakan banyak kapal kepunyaan Raja Aceh berlayar ke Masulipatnam (India) membawa gajah, lada hitam, timah, belereng, kemeyan, kapur barus, geharu dan sutera Aceh. Dilaporkan juga tentang kapal-kapal kepunyaan pemerintah Patani dan Johor yang berdagang ke Palembang.⁴⁵ Eksport beras dari Mataram adalah monopoli para temenggung Kedal dan Tegal. Gabnor Jambi juga mempunyai kapalnya sendiri dan menjalankan perdagangan, begitu juga Syahbandar dan Dato' Besar Patani.⁴⁶

Dalam abad ke-18M, para sultan negeri Melayu di Semenanjung juga menjalankan perdagangan, seperti Sultan Kedah, Sultan Perak, Sultan Selangor, Sultan Johor dan Sultan Terengganu. Sepucuk surat daripada Sultan Selangor kepada Francis Light, gabnor Pulau Pinang dapat menjelaskan bertapa intensifnya perdagangan yang dijalankan di antara raja Melayu itu dengan pihak Inggeris;

"... Adalah kita menyuruh sebuah slup dan Nakhoda Rumuk ke Pulau Pinang mendapatkan sahabat kita serta ada membawa dagangan serba sedikit ada garam sedikit dan tembakau jawa ada sedikit melainkan kita serahkanlah kepada sahabat kita akan menolong membicarakan dagang kita dibawaknya oleh Nakhoda Rumuk itu. Hendaklah sahabat kita sekali ini bersungguh menolong bicarakan dagangnya dan daripada barang satu hal ikhwal sakit dan sukarnya di Pulau Pinang itu serta suruhkan dengan sigeranya Nakhoda Rumuk itu balik ke Selangor serta bicarakan muati beras barang berapa muatnya sebab kita itu hubaya jangan tiada Sinyor Gurnador tolong daripada dagangan dibawaknya serta beras muatan slup itu dan lagi adalah pencalang Syahbandar Selangor kita dengar ada di Pulau Pinang itu

⁴⁵ Pemerintah Palembang juga dikatakan mempunyai banyak kapal. Baginda dikatakan pernah membeli 100 buah kapal dari Mataram. Lihat L.Y.Andaya, *op.cit.*, h. 84.

⁴⁶ Lihat J.C.van Leur, *op.cit.*, h. 207.

yang dibawak Ismail itu hendaklah sahabat kita suruhkan belayar ke Selangor dalam bulan Dzulkaedah ini juga dengan sigeranya serta muati juga beras barang semuah pencalang itu jangan tiada kerana kita di Selangor masa ini adalah kekurangan daripada hal akannya beras itu Maka inilah haraplah kita kepada sahabat kita bicarakan beras muatan slup Nakhoda Rumuk itu serta pencalang Syahbandar Selangor itu bicarakan seboleh2nya beras itu Maka satu pun tiada tanda serta suci hati kepada sahabat kita Sinyor Gurnador itu hanyalah lobak satu keranjang tiada sepertinya tanda tulus ikhlas juga adanya Tamat diperbuat surat kepada 18 Dzulkaedah dan kepada hari Khamis Tamat al-kalam.”⁴⁷ (Tiada tahun)

Dengan itu dapat dilihat bahawa para entrepreneur Melayu itu terdiri daripada golongan bangsawan dan pembesar Melayu. Akan tetapi sayangnya agak terlalu sedikit informasi yang boleh diperolehi tentang makanisme sebenar perdagangan diraja ini.⁴⁸ Selain daripada mereka terdapat juga kes-kes di mana orang-orang Melayu biasa yang telah muncul menjadi pedagang besar-besaran dan kemudian diterima masuk ke dalam golongan elit itu seperti Nakhoda Mahkota dan keluarganya yang telah membuka pertempatan di Semangka di daerah Lampong, selatan Sumatera.⁴⁹

III.2. Undang-undang Perdagangan Melayu

Anthony Reid mencatatkan dalam sebuah artikelnya bahawa undang-undang Islam telah dipinjam sepenuhnya dalam hal peraturan perdagangan oleh orang-orang Melayu pada awal era moden kawasan ini. Sebabnya, kerana terlalu sedikit alternatif yang ada untuk digunakan oleh pedagang-pedagang kosmopolitan yang berdagang di

⁴⁷ *Light Letters, No. 20, Acehen, Langkat, Batu Bara, Surat No.9, Perpustakaan S.O.A.S., University London.*

⁴⁸ Lihat J.C.van Leur, *op.cit.*, h.14. Namun demikian surat-surat *Light Letters* banyak membantu dalam hal ini.

⁴⁹ Lihat W.Marsden (trans), *Memoirs of a Malayan Family*, London:Oriental Translation Fund, 1830, h. 1-83.

sini.⁵⁰ Di samping itu andaian ini juga mungkin berasaskan kepada bahawa kerajaan Melayu khususnya di sekitar Selat Melaka semuanya telah memeluk agama Islam paling lewatnya pada akhir abad ke-16M.

Namun demikian jika dilihat secara teliti dalam undang-undang Melayu yang wujud pada masa itu, andaian Reid ini agak kurang tepat. Terdapat peraturan-peraturan perdagangan yang berbeza dan bertentangan dengan undang-undang dan peraturan perdagangan dalam Islam khususnya dalam hal jual janji dan berhutang. Lagipun inisiatif untuk memberi perlindungan dan implementasi hukum itu sebenarnya hanya bergantung kepada seorang raja yang memerintah.⁵¹ Tidak ada badan tertentu yang menentukan supaya pihak eksekutif melaksanankannya. Undang-undang Melayu yang digunakan di sekitar Selat Melaka tidak banyak mencatatkan tentang peraturan dan hukum-hukum yang berkaitan dengan perdagangan ini kecuali satu versi *Undang-undang Laut Melaka* yang dikenali sebagai *Undang-undang Perahu*.⁵²

Di antara undang-undang yang diketahui digunakan di sekitar Selat Melaka pada awal era moden termasuklah; *Hukum Kanun Melaka*, *Undang-undang Laut Melaka*, *Kanun Pahang*, *Undang-undang Kedah*, *Undang-undang Johor*, *Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak*, *Adat Aceh* dan kemudiannya dua versi *Undang-*

⁵⁰ A. Reid, "Islamization and Christianization," dlm. A. Reid (ed), *Southeast Asia in the Early Modern Era*, Ithaca: Cornell University Press, 1993, h. 177. Lihat juga A. Reid, *Southeast Asia in the Age of Commerce 1450-1680. Vol. I*, London: Yale University Press, 1988, h. 142.

⁵¹ Lihat J.K. Wells, "Restraints on the Development of Merchant Capitalism in Southeast Asia before c. 1800," dlm. A. Reid (ed), *loc.cit.*, 1993, h. 139.

⁵² *Undang-undang Perahu* (OR 3292), Acad. Lugd. Bat. Bibl., Universiti Leiden, Natherland.

undang Laut Melaka; Undang-undang Perahu dan Undang-undang Belayar. Namun demikian hanya beberapa buah sahaja yang ada memperuntukkan tentang hal-hal yang berkaitan dengan perdagangan, iaitu *Hukum Kanun Melaka, Undang-undang Laut Melaka, Kanun Pahang* dan sedikit dalam *Undang-undang Kedah* serta *Undang-undang Perahu*.⁵³ Undang-undang yang lain seolah-olah membisu tentang perkara perdagangan ini. Ia lebih menumpukan perhatian kepada adat dan undang-undang jenayah. Sebahagian daripada *Undang-undang Kedah* dan *Adat Aceh* tertumpu kepada peraturan pelabuhan.

Undang-undang Melaka memperuntukkan 5 Fasal dengan 8 pecahan bagi perdagangan, iaitu Fasal 29 - 34.2, manakala *Kanun Pahang* pula memperuntukkan 11 Fasal yang berkaitan dengan perdagangan, iaitu Fasal 24-35. *Undang-undang Kedah* yang mempunyai lima bab⁵⁴ hanya memperuntukkan 2 fasal sahaja yang berkaitan dengan peraturan jual beli; Fasal 4 dan 10 dari *Tembera Dato Paduka Tuan 1078H*.

Daripada 44 fasal yang terdapat dalam *Undang-undang Melaka*, hanya 6 fasal sahaja yang berkaitan dengan perdagangan;

⁵³ Sungguhpun begitu, bukan bermakna tidak ada undang-undang yang digunakan sebagai panduan semasa berdagang di tempat-tempat yang tidak menggunakan undang-undang yang dimyatakan itu. Ada kemungkinan besar kerajaan-kerajaan itu menggunakan undang-undang syariah tentang perdagangan terus daripada kitab-kitab fiqh atau ulama-ulama yang terdapat dalam negeri itu.

⁵⁴ *Undang-undang Kedah* terbahagi kepada 5 bab: Bab Pertama - *Undang-undang 1060H*, merupakan peraturan dan undang-undang pelabuhan. Bab Kedua - *Tembera Dato Paduka Tuan 1078H* yang lebih menumpukan peraturan sivil. Bab Ketiga - *Hukum Kanun Dato' Kota Star*, menumpukan perhatian kepada undang-undang jenayah. Bab Empat - merupakan Peraturan adat tentang Bunga Mas, Alat Kerajaan Pada Masa Tabal, Orang Besar-besar dan Adat Meminang. Bab Lima - merupakan undang-undang laut. Mengikut Winstedt, undang-undang laut ini merupakan tiruan daripada *Undang-undang Laut Melaka*. Lihat R.O. Winstedt, "Kedah Laws" dlm. *MBRAS*, Vol. VI, Pt.II, June 1928, h.2.

- i. Fasal 29 - peraturan tentang timbangan dan sukatan.
- ii. Fasal 30 - peraturan tentang perniagaan dan pengamalan riba'
- iii. Fasal 31 - peraturan tentang penjualan tanah.
- iv. Fasal 32 - peraturan tentang muflis.
- v. Fasal 33 - peraturan membekalkan modal kepada seseorang.
- vi. Fasal 34 - peraturan tentang amanat.

Namun demikian peraturan dan undang-undang yang terdapat dalam *Undang-undang Melaka* inilah salah satu daripada dua peraturan yang terpanjang yang berkaitan dengan perdagangan yang terdapat dalam undang-undang Melayu. Satu lagi ialah *Kanun Pahang*. Undang-undang Melayu yang lain hanya menyentuhnya dalam satu dua fasal sahaja atau tidak menyentuhnya langsung seperti *Undang-undang 99 Perak*.⁵⁵

Kanun Pahang yang dicatatkan pada abad ke-16M, mempunyai sebelas fasal (Fasal 24-35) yang berkaitan dengan perdagangan dan jual beli. Fasal-fasal dalam *Kanun Pahang* itu merangkumi;

- i. Syarat perniagaan dan pengharaman riba' (*Fasal 24*).
- ii. Hukum berjual rumah dan tanah (*Fasal 25*)
- iii. Hukum membeli benda yang cacat (*Fasal 26*)
- iv. Hukum sandaran untuk berhutang (*Fasal 27*)
- v. Hukum tentang janji gantirugi (pampasan) (*Fasal 28*)
- vi. Hukum tentang penjamin (*Fasal 29*)
- vii. Hukum tentang bayaran tunai dan bertangguh (*Fasal 30*)
- viii. Hukum tentang penjualan yang bertangguh (*Fasal 31*)
- ix. Hukum tentang meminjam (*Fasal 32*)
- x. Hukum memberi pinjaman (hutang) (*Fasal 33*)
- xi. Hukum tentang beramanat (*Fasal 34*)
- xii. Hukum tentang penjualan dan pembelian benda yang berkaitan dengan bumi (tanah) dan pohon buah-buah yang di atasnya (*Fasal 35*)

⁵⁵ *Undang-undang 99 Perak* tidak langsung menyentuh tentang perdagangan atau perniagaan.

Undang-undang Kedah yang mengandungi 5 bab utama; (i) **Undang-undang 1060H**, (ii) **Tembera Dato' Seri Paduka Tuan 1075H**, (iii) **Hukum Kanun Dato' Kota Star**, (iv) **Adat Bunga Mas, Adat Kebesaran, Pada Masa Tabal, Orang Besar-besar, Adat Meminang**, (v) **Undang-undang Laut**, hanya menyelitkan sedikit di dalam Bab Keduanya tentang peraturan perdagangan/perniagaan di negeri itu. Bab Pertama lebih merupakan undang-undang dan peraturan pelabuhan walaupun terdapat fasal yang menyentuh sukanan dan timbangan serta hutang piutang.⁵⁶ Sungguhpun Bab

⁵⁶ Nampaknya pada sekitar akhir abad ke-17M, undang-undang ini dikuatkuasakan sepenuhnya di Kedah. Seorang pelaut Inggeris bernama Thomas Bowery yang singgah di Kedah ketika itu mencatatkan bahawa apabila sesebuah kapal hendak belayar, raja akan menentukan semua hutang kepada nakhoda kapal oleh pedagang-pedagang lain atau penduduk tempatan mestilah dibayar terlebih dahulu. T Bowery mencatatkan;

The Kinge taketh a mighty care that none of us be defrauded here, as for instance, when the Merchant (or Commander) declareth he is almost ready to Saile, the Kinge giveth positive order to the Shahbandre to See the Gunge beaten round the city, with a lowd and Severe Proclamation vitz. If any person standeth indebted to Such an English Merchant (or any that belongeth to him or his Ship) any Summe of moneys or goods, let him with all Speed repaire into the presence of the Said merchant and ballance accompts justly, and with all Speed.

Otherwise if their Obstinacie or neglect cause any complaint of nonpayment, they, their Wifes, their Children, and all their goods and Chattles Shall be seized Upon, and foreseited to the Kinge who will Satisfie the Creditor, and make them Serv(e)s in Perpetuall bondage. But it Seldome falleth out soe ill to them, for they Observe to be rather beforehand, which is the wisest course."Lihat Temple (ed), *The Papers of Thomas Bowery*, 1669-1713, London:Hakluyt Soc., No. LVIII, 1927, h. 283-84.

Perkara ini dilaksanakan bagi menguatkuasakan Fasal 13, *Undang-undang 1060H* yang berbunyi;

"Bermula jika ada piutang nakhoda di-dalam pasar, hendak-lah di-beri tahu Panglima Bandar dan Shabandar, supaya di-keluari oleh Panglima Bandar dan Shabandar; maka hasil-nya pada sa-tahil sa-emas. Jikalau ada piutang itu pada Raja atau orang besar, oleh nakhoda membawa hadiah akan Panglima Negeri ia-iu di-ma'alumkan pada Raja pohonkan sama sebok mengeluari dia, maka hasil-nya demikian juga di-beri Panglima Negeri akan sama sebok itu. Maka segala yang berhutang itu, apa-bila lampau dari-pada kapal itu belayar, maka kena-lah atas yang berhutang itu seperti harga kapal. Lihat R.O. Winstedt, loc.cit., 1928, h. 18.

Nampaknya di Aceh juga peraturan perdagangan yang sama diamalkan pada abad ke-17M itu. Sebuah laporan bertarikh 17 Disember 1643, mencatatkan bahawa;

"If you sell you must oblige them by bill to pay at so many months, which few, or none, fail to perform or pay interest after the time expires, if those vessels are retarded beyond expectations, for the Queen and principal Orang Kayas are very severe in executing justice in that point." Clark letter from Aceh 17 December 1643, IOL E/3/13 : f. 282-83.

Lihat A.Reid, *Southeast Asia in the Age of Commerce 1450-1680, Vol. II. Expansion & Crisis*, New Haven:Yale University Press, 1993, h. 108.

Kedua ini merupakan bab undang-undang jenayah akan tetapi terselit juga peraturan perdagangan seperti dalam Fasal 4 dan Fasal 10.

Fasal 4 menyatakan tentang hukum jual beli. Seseorang yang hendak berjual beli (berdagang) hendaklah melaporkannya dahulu kepada seorang pegawai (penghulu) yang dikenali sebagai *kweng*. Setelah memeriksa barang dagangan itu, pihak *kweng* akan mengeluarkan surat kebenaran berniaga. Begitu juga sekiranya orang akan menyembelih kerbau atau lembu untuk dijual, dia perlu mendapatkan surat kebenaran daripada pihak *kweng* dan membayar cukai. Cukainya termasuklah menyerahkan kepala, tanduk dan belulang binatang itu kepada *kweng* serta wang tiga emas tera bagi penjual dan dua emas tera bagi pembeli. Perbuatan menjual kerbau atau lembu tanpa kebenaran *kweng* ini merupakan satu kesalahan dan boleh dihukum.⁵⁷

Fasal 10 pula menyatakan tentang piawaian alat sukatian. Semua alat sukatian seperti cupak dan gantang mestilah diserahkan kepada pihak *kweng* untuk dipiawaikan supaya sama sukatannya di seluruh negeri. Merupakan satu kesalahan besar seandainya ada orang yang menyimpan alat sukatan yang tidak *standard* dengan

⁵⁷ Fasal 4, Tembera' Dato Seri Paduka Tuan (1078H/1667M) mencatatkan;

"Fasal yang keempat hukum undang-undang. Barang siapa bejual beli, muhu-lah di-nyatakan pada *kweng* Apabila di-nyatakan mereka itu, hendak-lah *kweng* memeriksa serta bert surat chap tanda sudah pereksa. Demikian-lah, jika orang berbantai kerbau lembu, maka hendak-lah nyatakan pada *kweng*; hendak-lah hantar kepala-nya dan tandok dan belulang-nya ka-pada *kweng* akan hasil-nya surat chap itu; yang berjual tiga emas tera dan yang membeli dua emas tera; dan lain dari-pada orang kehenduri dan berkerja barang siapa tiada muhu menghantarkan kepada *kweng* kepala kerbau dan tandok dan belulang-nya, maka hendak-lah diambil oleh *kweng* harga tandok kepada dan belulang-nya itu kena tiga emas tera. Barang siapa membeli kerbau tiada sa-tahu *kweng*, maka hendak-lah tangkap oleh *kweng* hantarkan ka-negeri dengan tekah-nya. Barang siapa berjual-beli kerbau, maka tiada ia mengambil chap surat ka-pada *kweng* itu pun, tangkap dengan tekah-nya hantarkan ka-negeri, kerana tiada ia benar jual beli itu; maka itu-lah tanda orang jahat pekerti-nya." Lihat R.O Winstedt, *op.cit.*, h. 28

sukatan negeri dan akan dikenakan hukuman. Hukumannya ialah, alat sukatan itu akan dipukulkan ke kepala orang yang bersalah itu.⁵⁸

Undang-undang Laut Melaka yang lebih merupakan peraturan di laut dan undang-undang jenayah yang dilakukan di laut ada juga menyelitkan sedikit tentang undang-undang perdagangan. Dalam Fasal 20 dicatatkan tentang tatasusila bermiaga apabila kapal sampai ke sesebuah pelabuhan. Orang yang pertama dibenarkan bermiaga ialah nakhoda. Setelah nakhoda bermiaga selama empat hari barulah boleh kiwi yang belayar sama dalam kapal itu bermiaga selama 2 hari. Selepas itu barulah orang-orang lain yang berada dalam kapal itu boleh membuka peniagaan mereka. Jika sesuatu barang itu telah ditawar oleh nakhoda, tiada sesiapa dari kapal itu yang boleh meninggikan harganya. Jika barang itu dibeli juga dengan harga yang tinggi daripada harga yang ditawarkan oleh nakhoda, jika diketahui oleh nakhoda, barang-barang itu akan dipulangkan kepada nakhoda dengan harga yang ditawar oleh nakhoda itu. Seandainya ada kiwi atau orang-orang dalam kapal itu membeli tebusan atau sesuatu barang yang baik tanpa pengetahuan nakhoda, barang itu akan diambil oleh nakhoda dengan harga seperti yang dibayar oleh orang itu.⁵⁹

⁵⁸ Fasal 10, Tembera' Dato Seri Paduka Tuan (1078H/1667M), dicatatkan;

"Fasal yang kesepuluh pada menyatakan hukum undang-undang. Maka hendak-lah kweng pukul chanang ka-pada daerah masing-masing kweng-nya itu; barang siapa ada menaruh gantang dan chupak, maka yang tiada ada sama tolok-nya, maka hendak-lah kweng suroh bawa ka-negerti minta tolokkan yang benar-benar seperti gantang sukatan negerti, supaya adil jual beli, maka jadi beroleh halal. Barang siapa menaroh gantang atau cupak kecil besar dari-pada sukatan negerti, pada hukum di-ambil chupak gantang itu di-pukulkan kepala-nya. Maka segala yang tersebut di-dalam surat ini maka hendak-lah di-chanangkan masing-masing kweng; serta masa memukul chanang itu, di-kata, "Jangan siapa-siapa menaroh gantang dan chupak kecil besar yang tiada sama toloknya: pada hukum undang-undang amat besar hukum-nya." Lihat ibid., h. 29-30.

⁵⁹ Fasal 20, *Undang-undang Laut Melaka* mencatatkan;

"Bab ini peri mencatatkan hukum bermiaga. Ada pun apa-bila sampat (selamat ib.) ke bandar orang, melainkan nakhoda-lah yang dahulu bermiaga empat hari; sa-telah itu, maka (juru-mudi dan ib.) kiwi dua hari; sa-telah

Dalam salah satu versi *Undang-undang Laut Melaka* itu, yang dikenali sebagai *Undang-undang Perahu*⁶⁰ terdapat beberapa fasal yang diperuntukkan bagi perdagangan khususnya tentang penanaman modal dan pengagihan keuntungan. Di antara fasal yang mengandungi peraturan perdagangan itu ialah;

- i. Fasal 16 - tentang orang mengeluarkan modal dan beberapa keuntungan dan peraturan yang harus diikuti.
- ii. Fasal Kedua likor - tentang orang yang mengirimkan barang dagangan untuk didagangkan oleh anak perahu atau nakhoda dan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi.
- iii. Fasal 34 & 35 - tentang bersyarikat mengirim perahu belayar untuk bermiaga dan berkongsi modal.
- iv. Fasal 39 - tentang orang yang berkirim untuk membeli sesuatu barang.
- v. Fasal 41 - tentang menghantar wakil bersama dengan modal untuk berdagang dengan janji keuntungan akan dikongsi.
- vi. Fasal 43 - tentang nakhoda yang memberi hutang dengan modal orang lain. Kalau hutang itu hanya dibayar separuh sahaja, nakhoda bertanggungjawab mengembalikan modal tadi kepada tuannya bersama dengan keuntungannya, atau rugi dibayar mengikut kerugiannya, kalau rosak dikembalikan modalnya.

Adat Aceh dan *Undang-undang Kedah* pula lebih merupakan peraturan adat istiadat dan undang-undang pelabuhan. *Undang-undang Johor* dan *Undang-undang 99 Perak* tidak langsung menyentuh hal-hal perdagangan.

itu maka orang banyak bermiaga. Apabila ada dagangan sudah di-tawar oleh nakhoda, maka tiada kita dapat melebihi dia dan (jikalau orang di-dalam jong itu melihat orang membeli dagangan itu mahu kiwi atau orang-orang banyak dalam jong itu ia melebihi membeli dagangan itu L.3199 = jikalau di-beli oleh kiwi atau barang siapa sa-kali pun membeli dia M.19), maka tahu nakhoda, maka adat-nya di-pulangkan kepada nakhoda seperti mana harga belian-nya itu juga.

Sa-bermula apa-bila ada orang membawa tebusan atau barang sa-bagai-nya atau benda yang baik, maka di-beli-nya oleh kiwi atau turun penukur dengan tiada sa-tahu nakhoda, hukum-nya di-pulangkan kepada nakhoda seperti pembayaran orang itu ..."

Lihat R.Winstedt & de Josselin de Jong, "The Maritime Laws of Malacca," dlm. *JMBRAS*, Vol. XXIX, Pt.3, 1956, h. 44.

⁶⁰ *Undang-undang Perahu*, OR 3292, ACAD.LUGD.BAT.BIBL., Universiti Leiden, Netherland.

Undang-undang Melayu ini banyak terpengaruh kepada hukum atau undang-undang asing, khususnya undang-undang India. Di mana ia mengikuti sepenuhnya undang-undang Islam ia akan berlandaskan kepada peraturan atau hukum-hukum Mazhab Syafii.

Kelihatan jelas apa yang dicatatkan tentang jual beli dan perdagangan di dalam *Undang-undang Melaka (Kanun Melaka)*, tidak terpesong daripada hukum syariah. Perdagangan di Melaka nampaknya dikawal oleh beberapa fasal yang terdapat di dalam *Kanun* itu, bermula dari Fasal 30 hingga ke Fasal 34.2. Perkara utama yang dijelaskannya ialah tentang haramnya riba;

“Fasal yang ketiga puluh pada menyatakan hukum orang yang bermiaga itu dan haram atas segala yang mengambil riba. Adapun hukum bermiaga itu, tiada sah bermiaga melainkan daripada akil; tiada sah bermiaga itu bagi orang yang gila dan tiada sah bermiaga dengan kanak-kanak yang belum baligh, dan tiada sah bermiaga dengan orang yang mabuk arak dan tuak dan tiada sah bermiaga dengan dia sekalian itu kerana orang yang mabuk arak dan tuak tiada tentu harga yang dijualnya atau benda yang dijualnya itu. (Tiada sah bermiaga) melainkan dengan kata yang berjual “<Kujual> benda ini” dengan kata yang membeli “Kubeli benda ini” dan harga benda itu hendaklah bertentu ...”⁶¹

Peruntukan tentang riba' ini juga nampaknya tercatat dalam *Hukum Kanun Pahang*.

Dalam Fasal 24 *Kanun* itu dicatatkan;

“Peri menyatakan sharat di-dalam perniagaan. Bab fi targhib kasbi ‘l-halal wa ‘l-targhib ‘an kasbi ‘l-haram. Bab pada menyatakan yang mengemari pencharian yang halal dan menakutkan atau pencharian yang haram; qala’llahu ta’ala ma’ahalla-lahu ‘l-bay’a wa harram ‘l-riba, ya’ni halalkan Allah ta’ala bermiaga dan haramkan Allah ta’ala riba ia-itu ganda-berganda.”⁶²

⁶¹ Liaw Yock Fang *Undang-undang Melaka*, , The Hague: Martinus Nijhoff, 1976, h. 134-148.

⁶² J.E.Kempe & R.O.Winstedt, "A Malay Legal Digest," dim. *JMBRAS*, Vol. XXI, Pt. I, 1948, h. 40-41.

Namun demikian dalam *Undang-undang Kedah*, *Adat Aceh*, *Undang-undang Johor* dan *Undang-undang 99 Perak* yang lebih terkemudian tidak terdapat peruntukan ini.

Peraturan ini selaras dengan hukum yang diturunkan di dalam *al-Quran*. Dalam *Surah al-Baqarah* ayat 275 dinyatakan (maksudnya):

“Orang-orang yang memakan harta riba, tiada berdiri, melainkan seperti berdirinya orang gila yang dibinasakan syaitan. Yang demikian itu kerana mereka berkata: “Jual beli itu seperti riba.” (Allah menjawab perkataan mereka): “Dihilalkan Allah berjual beli, dan diharamkanNya riba.” Barang siapa yang menerima pelajaran TuhanNya dan berhenti dari memperbuat riba, maka perkerjaan yang telah terlalu itu dihilalkan dan urusannya terserah kepada Allah. Barang siapa kembali berbuat riba itu, mereka itu ahli neraka serta kekal di dalamnya.”

Di samping itu Rasulullah s.a.w. juga pernah bersabda yang maksudnya;

“Apabila riba dan zina sudah merata di suatu daerah, maka mereka telah menghalalkan dirinya untuk mendapat siksaan Allah.” (Riwayat Hakim dan Abu Ya’la)⁶³

Namun demikian dalam praktisnya, agak sukar untuk menentukan apakah hukum ini diikuti oleh pedagang, khususnya dalam zaman Melaka kerana terlalu banyak peraturan serta larangan dalam Islam yang dilanggar oleh orang-orang Melayu Melaka masa itu hinggakan seorang pelaut Arab, Ahmad ibn Majid menyatakan bahawa dia tidak dapat membezakan yang mana satu orang Islam di Melaka.⁶⁴ Dalam kitabnya *Hawiyat al-Ikhtisar fi ’ilm al-Bihar*, tertulis sekitar 866H (1462M), beliau mencatatkan bahawa penduduk Melaka tidak mempunyai budaya langsung, orang-orang kafir mengahwini perempuan-perempuan Islam, manakala lelaki Islam

⁶³ Lihat Yusuf al-Qardhawi, *Halal dan Haram Dalam Islam*, Singapura: Pustaka Nasional, 1980, h. 365.

⁶⁴ Ketika itu Melaka diperintah oleh Sultan Mansur Syah (1459-1477M) dan bendaharanya Tun Perak.

mengahwini perempuan-perempuan kafir. Seseorang itu tidak akan tahu sama ada mereka itu orang Islam atau bukan. Orang-orang Melaka juga dikatakan memakan daging anjing dan minum arak. Di samping itu mereka juga dikatakan pembohong dan pembelit ketika berdagang.⁶⁵

Nampaknya dakwaan yang dibuat oleh ibn Majid ini disahkan juga oleh sumber-sumber lain.⁶⁶ Malah ketika salah seorang pegawai Melaka (Seri Rama) datang mengadap Sultan Mahmud dan Bendahara Seri Maharaja, beliau dalam keadaan mabuk. Baik Sultan maupun Bendahara tidak menegur kelakuannya itu.⁶⁷ Oleh kerana itu agak sukarlah untuk menentukan apakah hukum syariah telah dilaksanakan

⁶⁵ Ahmad ibn Majid mencatatkan.

"The harbour of Malacca is between Pulau Ubi and Sabta. So enter the port successfully moving through five fathoms to four and then anchor. The people then come out to you - and what people. They have no culture at all. The infidel marries Muslim women while the Muslim takes pagans to wife. You do not know whether they are Muslim or not. They are thieves for theft is rife among them and they do not mind. The Muslim eats dogs for meat for there are no food laws. They drink wine in the markets and do not treat divorce as a religious act. They think little of promises and presents and generally despise them. They appear liar and deceivers in trade and labour. Be always careful of them for you cannot mix jewels with ordinary stones." Lihat G.R. Tibbetts, *A Study of the Arabic Texts Containing Material on South-east Asia*. Leiden & London E J Brill, 1979, h. 206

⁶⁶ Tome Pires mencatatkan pada tahun 1511M;

"... and the country observes this custom: heathens merry with Moorish women and a Moor with a heathen women with their [proper] ceremonies; and in their feast and rejoicing they take to much wine. Both men and women are found of mimes after the fashion of Java." Lihat A. Coertesao (ed), *op.cit.*, h. 268.

Di samping itu G. de Eredia yang berada di Melaka pada awal abad ke-17M juga mencatatkan tentang lemahnya iman orang-orang Melaka ini. Eredia menyatakan;

"These Mouros break the precepts of the Alcoram, for they retain the use of wine and pork, which is prohibited by this faith, and they are little inclined for ceremonies and observances; they are entirely taken up with amusements and luxuries; very few understand Arabic, and they scarcely ever study the writing of the Alcores, except it be some "Mula" or "Casis" from Arabia." Lihat J.V Mills (trans.), *Eredia's Description of Malaca, Meridional India, and Cathay*, MBRAS Reprint 14, 1997, h. 50.

Tentang minum minuman keras secara terbuka di kalangan penduduk Melaka ini juga telah dicatatkan oleh *Sejarah Melayu*

"Maka pada suatu malam Bendahara Seri Maharaja duduk dengan Makhdum Sadar Jahan berkata-kata akan ilmu. Maka Seri Rama datang dengan mabuknya, kerana Seri Rama terlalu peminum." W.G. Shellabear (ed), *Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1977, h. 185. Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1977, h. 185. Lihat juga A. Samad Ahmad (ed), *Sulalatus Salatin*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986, h. 246

⁶⁷ Lihat A. Samad Ahmad (ed), *ibid.*, h. 246. Lihat juga W.G. Shellabear (ed), *op.cit.*, h. 184

sepenuhnya dalam urusan perdagangan di Melaka. Dan harus juga diingat tentang kata-kata ibn Majid bahawa mereka (orang-orang Melaka) adalah penipu dan pembelit/pengelat dalam hal perdagangan dan kerja.⁶⁸

Jika dalam zaman keagungan kerajaan Melayu Melaka peraturan-peraturan itu tidak dapat dikuatkuasakan, bagaimana pula setelah runtuhan kerajaan Melaka di mana dunia Melayu khususnya kerajaan-kerajaan di pinggir Selat Melaka berada dalam keadaan kucar-kacir? Ada kemungkinan besar undang-undang syariah dalam hal perdagangan ini tidak dijalankan sepenuhnya. Undang-undang itu hanya menjadi panduan semata. Hingga ke abad ke-19M pun undang-undang syariah ini tidak dilaksanakan seperti sepatutnya dalam negeri-negeri Melayu. Munshi Abdullah mencatatkan bahawa segala hukum dalam negeri-negeri Melayu itu mengikuti kehendak rajanya sahaja.⁶⁹ Dan di Palembang juga keadaan yang sama berlaku.⁷⁰

⁶⁸ G.R.Tibbets, *op cit.*, h. 206

⁶⁹ Abdullah mencatatkan;

*“Maka ada-lah pada pikiran sahaya, orang yang bodoh lagi dengan tiada mempunyai barang ilmu ini, maka bahawa sa-sunggoh-nya kerajaan mereka-itu dan adat mereka-itu akan binasa ada-nya. Maka sa-kali-kali tiada boleh ia kekal dalam hal yang demikian itu, karna ada-lah mereka-itu sa-kali-kali tiada ia menurut jalan Allah taala dan hukum Allah, melainkan sentiasa ia melakukan hukum nafsu dirinya. Maka ada-kah diluluskan Allah akan sa-orang mengambil harta sa-orang dengan tiada redha-nya? atau sa-orang mengambil anak isteri sa-orang dengan kekerasan-nya? atau sa-orang membunuh akan sa-orang dengan tiada sa-benarnya? atau sa-orang membuat barang sa-kehendak hatt-nya atas hamba Allah sebab ia raja? Maka sahaya lihat segala perkara dhalim ini ada-lah dalam negeri Melayu. Maka sebab itu-lah, dengan sahaya mengaku di atas diri sahaya, “Bahawa sa-sungguh-nya ini-lah sakalian alamat negeri-negeri itu akan binasa tiada shak dalam-nya.” Lihat Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, *loc.cit.*, 1928, h. 116.*

⁷⁰ Van Sevenhoven melaporkan bahawa pada awal abad ke-19M itu, “... orang2 Palembang hanja namanja sadja islam, tetapi kurang taat dalam penunaian agamanja. Begitu baiknya orang-orang Arab mentaati dengan radjin waktu2 sholat, berpuasa dan lain2 kewajiban agama, begitu atjuh tak atjuh orang2 Palembang terhadap hal2 tersebut. Mereka sangat atjuh tak atjuh dan sangat tidak taat kepada agama.” J.L.van Sevenhoven, *op.cit.*, 1971, h. 34.

Di samping itu dipercayai pengambilan riba' (bunga) memang wujud dalam masyarakat Melayu walaupun setelah Islam lama bertapak. Dalam sepucuk surat yang dikirimkan oleh beberapa orang pedagang Culia kepada Sultan Kedah untuk meminta pinjaman bagi dijadikan modal membeli kapal dan gajah untuk didagangkan ke India, dinyatakan tentang cara pembayarannya kembali. Pedagang-pedagang itu berjanji akan membayar kembali pinjaman itu berserta dengan bunganya.⁷¹ Pembayaran kembali hutang (pinjaman) berserta bunga itu haram dalam hukum Islam.⁷² Walaupun dalam *Kanun Pahang* dinyatakan bahawa yang dianggap riba' itu adalah pengambilan keuntungan yang berlipat ganda, namun demikian bukanlah begitu maksud riba' hukum syariah. Fasal 24 *Kanun Pahang* menyebut;

*"Peri menyatakan syarat di dalam perniagaan, bab fi targhib Kasbi 'l-halal wal-targhib 'an kasbi'l-haram. Bab pada menyatakan yang menggemarki percaharian yang halal dan menakutkan atas percaharian yang haram: qalas'llahu ta'ala' wa 'ahalla--llahu 'l-bay'a wa harrama'l-riba, ya'ani halalkan Allah ta'ala bermiaga dan haramkan Allah ta'ala makan riba ia-itu ganda-berganda."*⁷³

Selain daripada itu *Kanun Pahang* juga membenarkan gadaian berbunga. Dalam Fasal 12 dicatatkan;

*"Ada pun gadai itu atas dua perkara; suatu gadai berbunga itu, jikalau beberapa lama-nya sa-kali pun, hingga ganda juga. Demikian lagi sa-hingga hutang yang berbunga dan yang mengambil ... atum.n. ... ka-laut. Ada pun pada kaul yang sah tiada sa-kali-kali dapat melebih dari pada pohonnya."*⁷⁴

⁷¹ *Light Letters*, MS 40320/3, Perpustakan S.O.A.S., University London.

⁷² Menurut *Fatul Mu'in*;

"Adapun hutang dengan disyaratkan sesuatu kemanfaatan untuk Muqriddl adalah rusak, kerana berdasar hadiths; Setiap hutang yang menarik kemanfaatan untuk Muqriddl adalah riba; ..." Lihat Aliy As'ad, *Terjemahan Fat-Hul Mu'in*, Jld. 1, Klang:Klang Book Centre, 1988, h. 213-14.

⁷³ J.E.Kempe & R.O.Winstedt (ed), h. 40-41.

⁷⁴ *Ibid.*, h. 35-36.

Walaupun terdapat *khilaf* (perselisihan pendapat) dalam peruntukan undang-undang yang diberikan itu; satu membenarkan pengambilan bunga asalkan tidak melebihi 100%, manakala yang satu lagi tidak membenarkan langsung melebih pokok pinjaman, “*tiada sa-kali-kali dapat melebih dari pada pohonnya*”, namun jelas di sini riba masih boleh diamalkan di Pahang. Seseorang pemberi pinjam atau tukang pajak boleh mengambil bunga akan tetapi tidak boleh melebihi 100% daripada jumlah wang yang dipinjamkannya.⁷⁵ Andaian begini salah sama sekali, tidak ada peruntukan dalam undang-undang syariah dari Mazhab Ahlul Sunnah wal-Jama’ah yang membolehkan pengambilan bunga walaupun sedikit bagi sebarang pinjaman atau gadaian yang diberi. Oleh itu peruntukan hukuman alternatif yang diberikan dalam fasal itu, “*Adapun pada kaul yang sah tiada sa-kali-kali dapat melebih dari pada pohon-nya*,” adalah menepati hukum syariah. Mengikut Winstedt, peraturan yang menentukan bunga tidak boleh melebihi 100% daripada yang dipinjam merupakan peraturan Hindu.⁷⁶ Walaupun demikian adalah sunat untuk yang meminjam membayar lebih selagi tidak ditentukan jumlahnya semasa dia meminjam itu.⁷⁷

⁷⁵ Peruntukan yang sebegini tidak terdapat dalam *Undang-undang Laut Melaka* dan *Undang-undang Kedah 1060H* yang juga membicarakan tentang riba’.

⁷⁶ R.Winstedt, *loc.cit.*, 1981, h. 113.

⁷⁷ Perkara ini ada juga dicatatkan oleh *Kanun Pahang*. Dalam Fasal 33 dicatatkan;

“... *Bermula tiada harus janji-nya akan membayar utang itu di-benua yang lain atau lebih membayar daripada asal-nya; jika mengutang tiada dengan berjanji kemudian di-bayar-nya lebih, tiada mengapa*.” Lihat J.E. Kemp & R.O. Winstedt (ed), *op.cit.*, h. 44. Perkara begini tidak berlawanan dengan peraturan syariah, *Fatul Mu'in* menyebut;

“*Jaiz bagi Muqridd menerima kemanfaatan yang diberikan kepadaanya oleh Muqtaeidl tanpa atas disyaratkan sewaktu aqad, misalnya kelebihan ukuran atau mutu barang pengembalian dan pengembalian lebih bagus daripada yang dihutangkan.*

Bahkan melebihkan pengembalian hutang adalah disunahkan bagi muqtaridl, kerana berdasar sabda Nabi s.a.w.; sesungguhnya yang paling baik diantara kalian adalah yang paling bagus dalam membayar hutangnya.” Aliy As’ad, *op.cit.*, h. 213.

Nampaknya amalan riba' ini sudah menjadi biasa dalam perdagangan di kawasan ini pada abad ke-18M.⁷⁸ Dalam sepucuk surat daripada Saudagar Nasaruddin yang ketika itu menjadi Saudagar Raja Terengganu kepada Francis Light, gabnor Pulau Pinang dicatatkan bahawa beliau mahukan Kapten Light menyelesaikan tentang harta dan hutang-hutang Kaptain Glass dan dirinya secepat mungkin kerana hutang dan harta itu berbunga setiap bulan. Bunga yang dikenakan 2% sebulan.⁷⁹ Di samping itu J.Crawfurd dalam bukunya *History of the Indian Archipelago* yang diterbitkan pada tahun 1820M, mencatatkan bahawa kerajaan-kerajaan di Kepulauan Melayu juga mengenakan bunga ke atas pinjaman yang diberikan. Beliau mengatakan bahawa bunga yang dibayar tidak kurang daripada 50% daripada jumlah pinjaman yang diberikan.⁸⁰

Undang-undang Kedah yang dicatatkan pada abad ke-17M juga menyelitkan sedikit sebanyak tentang peraturan-peraturan perdagangan ini. Walaupun terdapat peraturan

⁷⁸ Lihat A.Reid, *loc. cit.*, 1993, h. 108. Di Palembang bunga yang dikenakan lebih tinggi lagi. Dikatakan wang yang dipinjamkan itu mesti dibayar bunganya tiga kali hutang pokok. Lihat J.L.Van Sevenhoven, *op.cit.*, h. 53.

⁷⁹ Surat itu antara lain berbunyi;

“... maka akan hal hamba Dato' maklumkan kehazrat Dato' daripada perkerjaan Kapitan Glass dengan hamba Dato' itu pintalah Dato' beri mari mengehendaki harta Kapitan Glass yang dibawa ke Palembang tengah noga laksa dan tinggal hutang selaksa Maka perjanjian pada sebulan dua rial pada seratus demikianlah yang tersebut di dalam daftar Kapitan Glass yang kepada Mister Glass hak hendaklah Saudagar Nasaruddin mari ke Pulau Pinang dan lagi kici Kapitan Beck itupun tersebut dalam surat Kapitan Glass sebagai ia masuk di dalam harga kici tengah empat ribu rial dan senapang Kapitan Glass membeli di Terengganu bersama-sama Saudagar Nasaruddin seribu senapang Maka harganya tiga ribu rial itupun kepada Saudagar juga Inilah beta nyatakan kepada saudagar Maka hendaklah Saudagar berselesai serta bawa mari surat Kapitan Glass yang ada pada Saudagar jangan berlamaan kerana harta itu berbunga segenap bulan akhirnya jadi keberatan Suadagar dan yang Dipertuan Terengganu ...” Surat Saudagar Nasaruddin kepada Francis Light, surat no.10, *Light Letters*, No. 20, Acheen, Langkat, Batu Bara, Perpustakaan S.O.A.S., Universiti London.

⁸⁰ J.Crawfurd mencatatkan;

“Under the native governments, it is probable that not less than fifty per cent is paid by the borrower in one form or another for a loan.” Lihat J.Crawfurd, *op.cit.*, h. 143.

Laporan pihak Belanda sekitar 1596M, juga menyatakan bahawa orang-orang Melayu dan Keling merupakan pedagang yang meminjamkan wang dan mengenakan bunga. Lihat A.Reid, *loc.cit.*, 1993, h. 67.

yang selaras dengan hukum syariah akan tetapi wujud juga peraturan yang tidak wujud dalam undang-undang Islam yang diamalkan. Umpamanya dalam Fasal 4, *Tembera Dato Seri Paduka Tuan 1078H (1667M)*, dinyatakan bayaran yang perlu dibayar kepada *kweng* atau panglima apabila dijalankan jual beli khususnya berjual beli kerbau untuk sembelihan.⁸¹ Peraturan sebegini tidak ada dalam Islam. Perdagangan dalam Islam tidak dikenakan cukai, yang dikenakan hanyalah zakat barang dagangan itu, itupun setelah cukup kadar dan tempohnya. Bayaran-bayaran tertentu kepada pembesar semasa atau setelah dilakukan jual beli tidak pernah wujud dalam undang-undang Islam. Malah Islam melarang dikenakan cukai ke atas orang Islam.

Sungguhpun begitu terdapat juga peraturan perdagangan khususnya dalam hal sukatan dan timbangan yang selari dengan hukum syariah seperti yang terdapat dalam Fasal 28, *Undang-undang 1060H* dan Fasal 10, *Tembera Dato Seri Paduka Tuan 1078H*. Dalam Fasal 28, *Undang-undang 1060H* dicatatkan;

“Dan wajib menyuroh menyamai cupak dan gantang dan timbangan, jangan di-beri kechik besar, mahu-lah sama sekalian itu, kerana firman Allah taala, “Akul mikyal wa ’l-mizan” herti-nya, “Hendak-lah sempurna oleh kamu segala sukatan dan timbangan segala isi negeri kamu.” Maka itu-lah di-fardlukan atas sakalian raja-raja yang mempunyai kebesaran dan panglima yang mempunyai kuasa menyuroh menyamai sukatan dan timbangan. ...”⁸²

⁸¹ R.O. Winstedt, *loc.cit.*, 1928, h. 28.

⁸² *Ibid.*, h. 23.

Perkara pewaian sukatan dan timbangan ini juga dicatatkan dalam *Tembera Dato Seri Paduka Tuan 1078H*, walaupun dalam bahasa yang agak berlainan.⁸³ Sungguhpun hukuman yang dikenakan ke atas pesalah tidak mengikut peraturan Islam, namun demikian mengenakan hukuman ke atas orang yang menipu dalam sukatan dan timbangan adalah dituntut oleh Islam. *Al-Quran* menyatakan dengan jelas tentang perkara ini.⁸⁴

Peraturan tentang piawaian alat sukatan seperti gantang, cupak, kati dan tahil ini juga terdapat dalam *Undang-undang Melaka* walaupun tidak setegas *Undang-undang Kedah*. Ia hanya menyatakan bahawa peraturan tentang alat-alat sukatan itu terletak di bawah kawalan syahbandar.⁸⁵

Dalam hal benda yang boleh atau sah diniagakan, apa yang dicatatkan oleh *Undang-undang Melaka* adalah sama dengan apa yang dicatatkan oleh *Kanun Pahang*. Dalam Fasal 30 *Undang-undang Melaka* dicatatkan;

⁸³ “Fasal yang kesapuloh pada menyatakan hukum undang-undang. Maka hendak-lah kweng pukul chanang kepada daerah masing-masing kweng-nya itu: barang siapa ada menaroh gantang dan chupak, maka yang tiada sama tolok-nya, maka hendak-lah kweng suroh bawa ka-negeri minta tolokkan yang benar-benar seperti gantang sukaian negeri, supaya adil jauh beli, maka jadi beroleh halal. Barang siapa menaroh gantang atau cupak kecil besar dari-pada sukatan negeri, pada hukum di-ambil chupak gantang itu di-pukulkan kepala-nya. Maka segala yang tersebut di dalam surat ini maka hendak-lah di-chanangkan masing-masing kweng: serta masa memukul chanang itu, di-kata, “Jangan siapa-siapa menaroh gantang dan chupak kecil besar yang tiada sama tolok-nya: pada hukum undang-undang amat besar hukum-nya.” *Ibid*, h. 29-30.

⁸⁴ Surah *al-Muthaffifin*, ayat 1 hingga 6. Maksudnya;

“Wailun (siksa) untuk orang-orang yang mengurangkan sukatan. Mereka itu, bila menyukai dari manusia (untuk dirinya) dicukupkannya. Tetapi bila ia menyukai untuk mereka atau menimbang dikurangkannya. Tiadakah mereka itu menjangka, bahawa mereka akan dibangkitkan? Pada hari yang besar (hari kiamat)? Yaitu pada hari, yang herdiri manusia di hadrat Tuhan sekelain alam.”

⁸⁵ *Undang-undang Melaka* menyebut;

“Fasal yang kedua puluh sembilan pada menyatakan hukum segala gantang dan chupak katt dan tahil dan segala hukum pasar sekaliannya itu pada syahbandar juga. ...” Lihat L.Y Fang, *op.cit.*, h. 134.

“Dan tiada sah berniaga emas dengan emas dan perak dengan perak melainkan (dengan) suatu jenis lain ya’ni emas dengan satu jenis lain ya’ni perak tunai dan berniaga makanan janji tunai, maka sah.”⁸⁶

Kanun Pahang juga mencatatkan perkara yang sama dalam bahasa yang sama.⁸⁷ Namun demikian terdapat juga amalan-amalan perdagangan yang dijalankan yang bertentangan dengan hukum Islam, umpamanya menjual atau membeli barang curi atau barang yang bukan sah hak penjual. T.Bowery mencatatkan pada tahun 1675M, sebuah kapal Inggeris telah dirompak oleh lanun-lanun Orang Laut dan kemudian menjual hasil rompakan itu kepada syahbandar utama Kedah. Syahbandar itu membelinya semata-mata kerana harganya murah walaupun jelas barang itu hasil rompakan.⁸⁸

Amalan menjual binatang untuk dijadikan makanan kepada orang bukan Islam dilarang, kecuali binatang itu sudah disembelih terlebih dahulu.⁸⁹ Dalam perhubungan

⁸⁶ L.Y.Fang, *op.cit.*, h. 136.

⁸⁷ Fasal 24 Kanun Pahang mencatatkan;

“Bermula tiada sah berniaga emas dengan emas dan perak dengan perak melainkan suatu jenis yang lain, dengan suatu jenis yang lain ya’ni emas dengan suatu jenis yang lain ya’ni perak tunai, dan berniaga makanan sama makanan janji.” J.E.Kempe & R.O.Winstedt, *op.cit.*, h. 41.

Peraturan begini memang tepat dengan peraturan syariah yang melarang perniagaan sedemikian. Perniagaan begini dikenali sebagai *al-muratalah* dalam undang-undang syariah dan diharamkan. Lihat Abdullah Alwi Hj.Hassan, *Sales and Contracts in Early Islamic Commercial Law*, Islamabad: Islamic Research Institute, 1994, h. 80-83.

⁸⁸ T.Bowery mencatatkan;

“Anno Domini 1675. A Small Vessell belonginge to the Englsh was Sent from Aceh hither laden with very fine goods, and was mett with Pyrats commonly called Salleeters, neare to the Roade of Queda. The Sett Upon her and killed Samuel Ware the master and two more of his men, and tooke the Vessell, which done, they Sent away the Other Seamen in a Prow bound for Achin and came boldly Up to Queda and Sold the goods to Sarajah Cawn, a Chulyar, and chiese Shahbandar of Queda, a rouge Enough too. This Rouge by reason he bought them very Cheape made noe question how they came by the goods, although he Saw English marks and Number upon Each particular baile.” Lihat Temple (ed), *op.cit.*, h. 262.

⁸⁹ Hukum syariah mencatatkan bahawa,

perdagangan di antara Francis Light dengan Saudagar Raja Kedah, sering penjualan binatang ini dilakukan. Sebagai contoh surat Francis Light kepada Saudagar Raja bertarikh 16 Mac 1787 mencatatkan tentang pembelian ayam;

“Surat tulus ikhlus daripada beta Gurnador Pulau Pinang sampai kepada sahabat beta Saudagar Raja ekhwal akan sahabat beta beri mari papan cina seratus enam belas dan ayam dulapan puluh dan telur ayam dua ratus seperti tersebut dalam surat sahabat beta itu sudahlah beta terima ...”⁹⁰

Selain daripada itu terdapat juga penjualan dan pembelian barang-barang yang diharamkan oleh Islam seperti candu dan arak. Sebagai contoh Saudagar Raja Kedah sering sahaja memesan candu daripada Francis Light. Dalam salah sepucuk suratnya kepada F.Light, beliau menyatakan;

“... hamba Dato' pinta opium yang baik barang sepuluh peti pinta kadum Dato' tolong pada jaga2 yang mari terima padi beras Akan harganya itu hamba Dato' himpun beras rial tembu timah maklumkan perkara boleh kadum Dato' suruh mari terima ...”⁹¹

Jadi walaupun undang-undang perdagangan orang Melayu di sekitar Selat Melaka ini berlandaskan undang-undang syariah, akan tetapi bukan 100% peraturan syariah itu diikuti. Namun demikian dengan wujudnya undang-undang perdagangan Islam ini di sekitar Nusantara, telah membolehkan perdagangan dijalankan dengan lancar kerana dengannya wujud satu garis panduan yang dapat diikuti ketika perdagangan dijalankan.

⁹⁰ Demikian pula haram menjual semacam minyak misik kepada orang kafir yang membeli untuk mengharumkan berhala, atau menjual binatang kepada orang kafir yang telah diketahui bahawa sungguh-sungguh akan makan dagingnya tanpa disembelih dahulu ... Lihat Aliy As'ad, *op.cit.*, h. 177.

⁹¹ *Light Letters*, MS 40320/3, surat no.2.

⁹¹ *Light Letters*, MS 40320/3, surat no.4. Permohonan terhadap candu ini juga terdapat dalam surat-surat lain. Lihat surat no.5, *ibid.*

III.3. Cara Berdagang dan Perhubungan Dengan Pedagang Asing

Seperti yang telah dicatatkan terdahulu, perdagangan di Nusantara ini amnya dan di sekitar Selat Melaka khasnya, sebahagian besar dijalankan oleh para pembesar (Orang Kaya) atau raja itu sendiri. Setidak-tidaknya barang eksport atau import utama dimonopoli oleh mereka.⁹² Kecuali perdagangan runcit, segala jenis perdagangan import dan eksport secara borong dijalankan oleh pembesar-pembesar negara serta agen-agen mereka. Justeru kerana itu kita dapati laporan daripada pedagang dan pelaut-pelaut asing bahawa mereka terpaksa menemui terlebih dahulu raja atau agen mereka untuk mengendalikan perdagangan.⁹³

Pada adat Melayu, raja-raja dan pembesar merupakan orang yang terlalu mulia untuk menjalankan perdagangan. Justeru itu dalam hal tawar menawar, keputusan tentang pembayaran, masa dan cara penghantaran barang dan sebagainya yang berkaitan dengan perdagangan diraja akan dikendalikan oleh seorang agen atau saudagar yang khusus yang dikenali sebagai **Saudagar Raja**.⁹⁴ Saudagar inilah yang menguruskan segala perdagangan raja. Raja dan pembesar-pembesar berasa terhina atau direndahkan mertabatnya jika dia sendiri berdagang. Perjanjian di antara Perak

⁹² Di antara barang eksport monopoli raja adalah padi, beras, timah dan lada hitam, manakala import termasuklah candu dan senjata. Sultan Abdullah Mukarram Syah, Kedah (1778-89M) pernah menawarkan kepada pihak Syarikat Hindia Timur Inggeris (*E.I.C.*) supaya membayar 30,000 dolar Spanyol gantunggi ke atas kehilangan monopoli timah, candu dan rotan yang dikeluarkan dari kawasan Kuala Muda, Perai dan Kerian. Lihat R.Bonney, "Francis Light, the Nonya and Penang," dlm. *Jurnal Persatuan Sejarah Universiti Malaya*, Kuala Lumpur, Vol. III, 1964/65, h. 32. Lihat juga Buyong Adil, *Sejarah Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980, h. 40.

⁹³ Lihat J.Dunmore (ter.), *op.cit.*, h. 155. Lihat juga Fasal 9 dan Fasal 16 *Undang-undang Kedah 1060 A.H.* dlm. R.O.Winstedt, *loc.cit.*, h. 17 & 19.

⁹⁴ B.W.Andaya, *op.cit.*, h. 16.

dengan Belanda tahun 1753M hampir-hampir terputus akibat kesalahan penggunaan bahasa yang seolah-olah merendahkan mertabat Sultan Perak dengan menempatkan baginda setaraf dengan pedagang rakyatnya.⁹⁵

Dalam perjanjian itu semua pedagang dikehendaki membawa timah mereka sendiri ke pos Belanda untuk ditimbang menggunakan alat timbangan Belanda. Ini termasuklah pedagang utama negeri itu, iaitu Sultan. Sultan Iskandar Perak tidak menyangka langsung yang klausa dalam perjanjian yang menyebut “*segala orang yang jual timah*” itu termasuk dirinya sendiri. Akan tetapi mengikut interpretasi pihak Belanda “*segala orang ...*” itu termasuk diri baginda. Dengan itu bermakna, dengan menandatangani perjanjian itu Sultan Iskandar telah merendahkan kedudukannya sehingga sama dengan rakyatnya, iaitu “*orang yang berjual timah*.⁹⁶

Namun demikian terdapat juga para pembesar atau orang kaya yang menjalankan perdagangan mereka sendiri khususnya pada abad-abad ke-17 dan 18M. Penglibatan mereka dalam perdagangan ini bukan semata-mata untuk memperolehi kekayaan tetapi juga kuasa. Daripada kekayaan akan diperolehi pengaruh dan kuasa. Dalam kes ini bukan hanya orang-orang tempatan yang memperolehi kekuasaan itu tetapi juga orang asing yang telah lama berdagang di sesebuah pelabuhan atau kerajaan itu. Kerana jasa atau hadiah-hadiah yang diberikan kepada raja dan pembesar-pembesar peribumi, mereka akan diberi gelaran dan seterusnya bergelar orang kaya yang

⁹⁵ B.W.Andaya, *Perak: The Abode of Grace*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1979, h. 220.

⁹⁶ *Ibid.*, h. 139.

bukan hanya bermaksud orang itu seorang yang banyak harta tetapi juga mempunyai kuasa.⁹⁷ Dalam hal ini gelaran Orang Kaya sama sahaja maksudnya dengan gelaran Orang Besar.

Dalam kerajaan Melayu di pesisir Selat Melaka, gelaran Orang Kaya ini diberikan bukan hanya kepada pedagang-pedagang yang kaya tetapi juga pembesar-pembesar negeri.⁹⁸ A.Reid mencatatkan terdapat tiga jenis orang kaya ini. Yang pertama, pedagang-pedagang asing yang tertarik kepada sesebuah pelabuhan kerana peluang-peluang perdagangan yang diberikan, akan tetapi kemudian dapat meninggalkannya. Kedua, orang asing atau peranakan asing, yang sebahagiannya menjadi pegawai-pedagang yang telah diasimilasikan dan menjadi orang perantaraan di antara istana dengan pedagang. Dan ketiganya golongan aristokrat yang telah terikut-ikut sama dalam perdagangan kerana kedudukan dan kekayaannya.⁹⁹ Orang-orang kaya ini merupakan golongan yang paling berpengaruh dalam bidang politik Aceh sekitar

⁹⁷ Sebagai contohnya, seorang pelaut Inggeris bernama Thomas Best telah dianugerahkan gelaran *Arancaia puto* (Orang Kaya Putih) oleh Sultan Muda Mahkota Alam, Aceh kerana jasanya menawan sebuah kapal Portugis dan menghadiahkannya kepada kerajaan Aceh. Lihat D.Lombard, *op.cit.*, h.164. T.Forrest juga telah dianugerahi oleh Sultan Aceh, Sultan Muhammad Syah (1781-95M) dengan gelaran Orang Kaya Dari Pedang Emas. Lihat T.Forrest, *A Voyage From Calcutta to the Mergui Archipelago*, Microfiche 8442, Perpustakaan Universiti Malaya , h. 54.

⁹⁸ Di beberapa buah negeri di semenanjung seperti di Perak, terdapat dua tahab Orang Kaya. Yang pertama membawa hanya satu perkataan kaya. Gelaran yang begini dikhususkan kepada Orang Besar Empat : Orang Kaya Dato' Bendahara Seri Maharna, Orang Kaya Besar Maharaja Diraja, Orang Kaya Temenggung Paduka Raja dan Orang Kaya Menteri Paduka Tuan. Manakala orang kaya darjah yang kedua membawa perkataan kaya yang digandakan, **Orang Kaya-kaya**. Gelaran ini diberikan kepada Orang Besar Lapan: Orang Kaya-kaya Laksamana Raja Mahkota, Orang Kaya-kaya Sri Adika Raja Syahbandar Muda, Orang Kaya-kaya Panglima Kinta Sri Amar Bangsa Diraja, Orang Kaya-kaya Panglima Bukit Gantang Sri Amar Diraja, Orang Kaya-kaya Syahbandar Paduka Indra, Orang Orang Kaya-kaya Setia Bijaya Diraja, Orang Kaya-kaya Imam Paduka Tuan dan Orang Kaya-kaya Mahakurnia Indra Diraja. Lihat *Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak*, Kuala Lumpur:Jabatan Cetak Kerajaan, 1960, h. 35. Lihat juga K.K.Kim, *Malay Society*, Petaling Jaya:Pelanduk Pub., 1991, h. 27 & 28.

⁹⁹ Lihat A.Reid, *loc.cit.*, 1993, h. 115.

abad ke-18M dan menjadi pesaing yang serius kepada kegiatan perdagangan dan kewibawaan politik Sultan.¹⁰⁰

Setelah kedatangan lebih ramai orang Barat ke kawasan ini dalam abad ke-17 dan 18M, perdagangan yang dijalankan lebih kompleks, lebih banyak barang yang didagangkan dan dagangan utama masa itu juga telah berubah. Kalau pada abad ke-16M rempah ratus dan pala menjadi bahan perdagangan utama tetapi bila masuk abad ke-17 dan 18M, lada hitam menjadi penting. Di samping itu pada abad-abad ini lebih ramai pedagang asing yang menetap di kawasan pelabuhan-pelabuhan di sini termasuklah pedagang Barat. Justeru kerana itu permintaan terhadap bahan makanan semakin meningkat bukan sahaja untuk bekalan penduduk yang kian bertambah, akan tetapi juga untuk para pedagang dan pelaut asing yang juga kian ramai bertumpu ke pelabuhan-pelabuhan itu.

Nampaknya di samping perdagangan lada dan timah sebagai barang eksport utama dan candu, kain serta alat senjata sebagai barang import, perdagangan barang makanan juga menjadi semakin penting masa ini. Beras, sayur-sayuran, buah-buahan, ikan dan binatang ternakan menjadi barang jualan yang penting bagi pedagang-pedagang Melayu masa itu. Pedagang-pedagang Melayu termasuk pembesarnya kini memainkan peranan penting sebagai pedagang pembekal makanan.

¹⁰⁰ Lihat L.K.Hing, *The Sultanate of Aceh. Relation with the British, 1760-1824*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1995, h. 11.

Walaupun perdagangan runcit barang makanan ini dijalankan secara terus oleh penduduk tempatan dengan pedagang-pedagang asing itu, namun demikian penjualannya secara besar-besaran masih dijalankan oleh pihak pemerintah. Pihak pemerintah nampaknya memonopoli perdagangan beras. Semua permintaan terhadap beras Kedah dikendalikan oleh Saudagar Raja, malah pedagang-pedagang Barat nampaknya telah sedia tahu bahawa untuk mendapatkan beras dari Kedah perlu berhubung terus dengan Sultan atau agennya (Saudagar Raja).

Daripada surat-surat di antara Francis Light dengan Saudagar Raja Kedah, jelas menunjukkan bahawa segala pembelian dan penjualan barang makanan bagi bekalan Pulau Pinang adalah dikendalikan oleh Saudagar Raja. Francis Light akan mengutus utusan ke Kedah untuk memesan barang tertentu dan segala urusan pembelian atau pengumpulan barang itu di Kedah akan dikendalikan oleh Saudagar Raja. Beliau juga menguruskan pengiriman barang itu ke Pulau Pinang. Namun demikian harga barang tidak pernah dicatatkan di dalam surat-surat itu. Pembayaran harga barang itu biasanya akan dijelaskan setelah barang itu selamat sampai di Pulau Pinang.¹⁰¹ Siapakah yang menentukan harga barang itu tidak jelas di sini.

Perdagangan yang dijalankan pada masa itu nampaknya bergantung kepada saling percaya mempercayai. Tidak ada penjamin yang menjamin bayaran serta penyerahan

¹⁰¹ Sebagai contoh, lihat surat Francis Light kepada Saudagar Raja Kedah bertarikh 16 Mac 1787, Surat No.2, *Light Letters*, MS 40320/3.

barangan itu dilaksanakan seperti yang dijanjikan.¹⁰² Sebagai contoh, sepucuk surat pesanan daripada Francis Light kepada Saudagar Raja Kedah untuk memesan barangan makanan dan beberapa barangan perdagangan lain jelas menunjukkan bahawa perdagangan yang dijalankan pada masa itu berlandaskan saling percaya mempercayai. Segala bayaran terkemudian nampaknya tidak ada penjaminnya, malah harga barangpun tidak disebut. Sebagai contoh lihat surat Francis Light kepada Saudagar Raja Kedah yang berikut ini bagi memesan beras, padi, lembu, kambing, ayam itik dan papan;

"Surat tulus ikhlas serta kasih sayang daripada beta Gurnador Pulau Pinang sampai kepada sahabat beta Saudagar Raja Ekhwal minta sahabat beta tolong bicara beli beras dan padi dan lembu kambing mana yang bolehnya sahabat beta hantar mari dengan sigeranya hendak dijadikan belanja beri makan orang dan lagi minta sahabat beta bicara papan cina yang tebal dua jari yang panjang barang empat lima hasta dalam itu mana yang bolehnya sahabat beta bicara beri mari dan sekiranya beta hendak berguna dan lagi papan merbau yang tebal enam tujuh jari panjang enam hasta barang enam tujuh keping beri mari bersama-sama dan ayam itikpun dibeli beri mari juga sekelian yang tersebut ini telah haraplah beta akan bolehnya Ekhwal inilah beta nyatakan Perbuat surat ini pada enam belas hari bulan Jammadil Awal. Tammat.

Francis Light 6 March.¹⁰³

Surat pesanan itu langsung tidak menyebut tentang harga dan cara pembayaran. Segalanya seolah-olah terpulang kepada Saudagar Raja itu menetapkannya.¹⁰⁴ Nampaknya semua pembayaran hanya akan dilakukan setelah

¹⁰² Namun demikian apabila berhutang nampaknya ada cagaran. Sebagai contoh seorang pedagang yang meminta pinjaman daripada Francis Light untuk menjelaskan hutangnya kepada seorang saudagar lain telah mencagarkan rumah, kedai, kampung malah seluruh ahli keluarganya untuk mendapatkan pinjaman itu. Lihat *Light Letters*, ms 40320/1, *Malayan Correspondance*, No. 1.

¹⁰³ Lihat *Light Letters*, MS 40320/3, No. 1.

¹⁰⁴ Surat Saudagar Raja itu kepada Francis Light juga tidak menyebut tentang harga, seolah-olah harga itu telah diketahui atau mereka malu untuk menyebutnya secara rasmi dalam surat. Atau ada juga kemungkinan yang harga itu hanya dipesankan kepada pembawa barang supaya boleh tawar-menawar lagi.

Tawar-menawar merupakan tradisi jualbeli di Kepulauan Melayu. Tanpa tawar menawar, ramai yang tidak berminat berdagang. Sebuah laporan Belanda pada tahun 1618M menyatakan bahawa penduduk Meluku hilang minat

semua barang itu selamat sampai di Pulau Pinang seperti surat berikut yang dikirim oleh Light setelah barang yang dipesannya itu sampai;

"Surat tulus ikhlus daripada beta Gurnador Pulau Pinang sampai kepada sahabat beta Saudagar Raja Ekhwal akan sahabat beta beri mari papan cina seratus enam belas dan ayam dulapan puluh dan telur ayam dua ratus seperti tersebut dalam surat sahabat beta itu sudahlah beta terima sambil itulah harga papan beta serah beri yang perkara kepada Hussain Sab dua puluh tiga rial empat puluh pitis Sahabat beta terimalah ambil Sebermula minta barang siapa suka hendak bawa jual ...[koyak]... apa mari tiada beta orang ...[koyak]... huru-hara dan tiada diberi rugi orang itu Syahdan ada surat ...[koyak]... akan adalah Yang Dipertuan Yang Maha Mulia minta sahabat beta bawa sendiri sembahkan ke bawah duli Yang Dipertuan Ekhwal itulah beta nyatakan Perbuat surat lima likor bulan Jamaadil Awal."

Francis Light 16 March 1787.

Tidak adanya pembayaran pendahuluan ini berkemungkinan kerana kekuatiran tiadanya barang yang dapat dikirimkan dan juga takut barang yang dikirimkan itu tidak mencukupi. Surat Francis Light yang berikut dapat menjelaskan bahwa wujud pengiriman yang tidak mencukupi seperti yang dicatatkan di dalam surat yang menyertainya;

"Surat cit daripada Gurnador Pulau Pinang sampai kepada sahabat beta Saudagar Raja Ekhwal akan kapur dibawa Nakhoda Hasna (Husna?) Lebai itu sudah beta terima ambil banyak karungnya seratus empat puluh dulapan karung Tersebut dalam surat sahabat beta dulapan koyan Pendapat beta sekoyan pun tiada sampai dan ayam seratus Maka lagi janganlah sahabat beta beri mari barang segantangpun Karung yang tinggal di sana itu sahabat beta isi padi beri mari Itulah beta nyatakan Perbuat surat sebelas hari bulan Rejab."

Francis Light 16 March 1787.¹⁰⁵

untuk menanam cengklik selepas kedatangan Belanda oleh kerana keengganan Belanda untuk tawar menawar semasa berjual beli. Belanda seolah-olah memaksa mereka menjual cengklik mereka dengan harga yang ditetapkan dan membeli kain Belanda dengan harga yang ditetapkan juga. Lihat A.Reid, *loc.cit.*, 1993, h. 92.

¹⁰⁵ *Light Letters*, MS 40320/3, No.11.

Jika berpandu kepada *Undang-undang Perahu* nampaknya perdagangan jenis *commenda* (kommenda)¹⁰⁶ seperti yang dijalankan dalam zaman kerajaan Melayu Melaka itu masih wujud pada abad ke-18M. Dalam perdagangan ini pedagang tidak turut berlayar dalam perahu, akan tetapi mewakilkan nakhoda memperdagangkan barang atau modalnya. Fasal yang kesembilan *Undang-undang* itu menyatakan;

*"Yang sembilan pada menyatakan hukum melepas perahu dengan modal atau upahnya yang membawa atau diberinya modalnya atau bagi laba hendaklah mahu suratkan oleh yang punya dengan janjinya kalau rugi balik musim atau perang kalau dilebihi oleh yang membawa seperti janji kalau rugi diganti labanya kalau rosak diganti perahunya atas arta dengan modalnya kalau buang pada negeri lain tiadalah dengan kehendaknya kalau jauh sekalipun pada bandar yang lain selamat bermaga kembali terosak kembali yang punya arta kalau tiada dengan taksirnya lepas umur tiga kali atau dicarikannya utangnya itu tiada boleh diganti kerana sudah kehendak Allah tiadalah kerana lamanya ...~~.....~~ dibayar dengan segera kerana lupa ia akan arta orang itulah hukumnya."*¹⁰⁷

Perdagangan orang Melayu dengan orang Barat nampaknya lebih istimewa. Terdapat peraturan perdagangan yang berbeza di antara pedagang Barat dengan pedagang-pedagang asing yang lain seperti Cina, India dan Arab. *Undang-undang Kedah* umpamanya, mencatatkan beberapa keistimewaan yang diberikan kepada pedagang-pedagang Barat itu. Umpamanya kain yang dibawa oleh kapal-kapal Kampeni (Barat) tidak diwajibkan ditempatkan di dalam bangsal (gudang). Kain-kain itu tidak dikenakan cukai, hanya kapten kapal itu terpaksa memberi hadiah kepada Panglima Bandar, Syahbandar dan mata-mata.¹⁰⁸

¹⁰⁶ *Commenda* (kommenda) merupakan satu cara untuk melabur dalam perdagangan. Satu cara mewujudkan perkerjaan kepada orang ramai yang tidak mempunyai wang sendiri untuk berdagang, dan satu cara untuk memperpanjangkan pinjaman. Lihat V.Rispler, *Insurance in the World of Islam: Origins, Problems and Current Practice*, Michigan:U.M.I. Dissertation Services, 1994, h.77.

¹⁰⁷ Fasal 9 *Undang-undang Perahu*, OR 3292.

¹⁰⁸ Fasal 16 *Undang-undang 1060 A.H.*, mencatatkan;

Walaupun di Kedah barang dari kapal-kapal Barat itu dibeli oleh raja setelah dipilih oleh Panglima Bandar, tetapi di Aceh peraturannya agak berbeza sedikit. Semua barang yang dibawa oleh pedagang Barat hanya boleh dibeli oleh Syahbandar. Barang itu kemudian akan disimpan dalam sebuah gudang yang khusus darimana pedagang-pedagang runcit boleh membelinya.¹⁰⁹

Di Aceh juga pedagang-pedagang Barat ini mendapat beberapa keistimewaan seperti kelonggaran daripada dikenakan adat-adat tertentu seperti yang dikenakan kepada kapal dan pedagang bangsa-bangsa lain, umpamanya **adat mengawal kapal**. Apabila kapal-kapal masuk ke pelabuhan Aceh, pada setiap kapal itu akan ditempatkan empat orang pengawal Aceh. Akan tetapi bagi kapal Barat (orang putih) adat ini dikecualikan.¹¹⁰

"... Akan bendela Company itu tiada masukkan ka-dalam bangsal. Jika ada bendela, saudagar itulah menurut adat; dalam itu, jika di-aku oleh kapitan itu berbuka bendela, maka hendak-lah di-daftarkan oleh Syahbandar dan mata-mata segala jenis kain itu dan macham pun; di-ambil oleh Shahbandar di-bawa nyatakan ka-pada Panglima Bandar. Maka oleh Panglima Bandar di-maklumkan mana-mana jenis yang hendak di-beli Raja itu beberapa banyak; maka di-nyatakan pada kapitan itu serta di-putuskan harga-nya. Maka hasil kharajat tiada-lah di-ambil hingga di-daftarkan juga; tetapi hadiah kapitan itu mahu-lah ada kadar sa-paha ka-pada Panglima Bandar, dan Shahbandar dua emas, dan mata-mata sa-emas; jika saudagar yang di-dalam kapal yang sudah di-maafkan dari-pada kharajat. Tetapi segala bendela . di-daftarkan segala jenis kain-nya itu oleh Shahbandar dan mata-mata dan macham-nya di-ambil maalumkan pada Raja; barang berkenan di-ambil beli-belian akan Raja, tetapi hadiah-nya saudagar menurut saperti yang tersebut dahulu itu juga akan Panglima Bandar dan Shahbandar; jika saudagar itu menghendaki bebas, mahulah ia membawakan persembahan akan Raja sa-patut dengan kadar-nya; atau ia mengadap, maka ampun kurnia bebas-lah akan dia."

Lihat R.O.Winstedt(ed), *loc.cit.*, 1928, h. 19.

¹⁰⁹ Lihat K.F.H.van Langen, *op.cit.*, h. 60.

¹¹⁰ *Adat Aceh* mencatakan;

"... Jika kapal orang putih tiada adat yang mengawal itu. Sebagai lagi jika Malabarti atau Diwal atau barang siapa yang membawa kembalamas [keumamah], akan adat orang yang 4 pada sebuah sampan Aceh yang dipunggahkan kembalamas, maka diberinya akan adat orang 4 itu, akan bujang 2 orang 10, dan lagi sagi banda 10, dan akan sagi kawal 10, jadi pada sebuah2 sampan 30. dan lagi adat dikuala pada sebuah2 sampan Aceh kemabalamas 20 seberang sana dan seberang sini, jadi adat pada sebuah2 sampan itu 50. Demikianlah adatnya seperti kanun." Lihat *Adat Aceh*, h. 60.

Orang-orang Barat, khususnya orang Inggeris diberi beberapa hak istimewa. Umpamanya mereka tidak dikenakan apa-apa cukai selain cukai atau bayaran untuk mendapatkan cap sultan bagi mendarat dan belayar keluar. Barang mereka juga tidak diwajibkan dibawa ke *Balai Furdah* (rumah kastam). Orang-orang Inggeris dibebaskan daripada membayar **cukai usur**, daripada adat **hak tawan karang** dan **adat hak raja**.¹¹¹ T.Bowery dalam *Malay Dictionary*nya mencatatkan bahawa;

*“Mengikut persetujuan zaman lampau orang-orang Inggeris bebas daripada semua cukai kastam, hanya hadiah kepada Ratu, dan sedikit bayaran pelabuhan. Semua bangsa lain dikenakan duti kastam yang tinggi.”*¹¹²

Perdagangan dengan pihak Belanda adalah lebih istimewa. Sejak bertapak di Nusantara pihak Belanda cuba memonopoli hasil keluaran kawasan ini. Mereka sering memaksa negeri-negeri Melayu di sekitar Selat Melaka menandatangani perjanjian berat sebelah¹¹³ bagi menjual hasil-hasil utama mereka seperti timah dan

¹¹¹ Lihat D.Lombard, *op.cit.*, h. 164. Thomas Bowery ketika singgah berdagang di Aceh pada awal abad ke-18M mencatatkan;

“...But againe, if wee have a quantitie of course goode On board, vizi. Rice, gramme, wheat, Oyle, butter, or the like, they are to make an abatement of 10, 15, or 20 tails, accordinge as the quantitie is, and noe Other duties are payable by any of the English nation Except the Chopp in and out, neither are any of our goods carried to the Custome house as all other peoples are, which is a great helpe and honour to our Nation. These priviledges were granted to our nation about 100 years agoe, and are Still confirmed by Every New Queen as She cometh in place, which couseth the people in Generall to respect us very much, and Entertaine us with abundance of Civilitie and Court Ship.” Lihat Temple (ed), *op.cit.*, h. 304

¹¹² Lihat nota kaki 4 dalam Temple (ed), *op.cit.*, h. 304. Lockyer juga dalam *Trade In India* mencatatkan;

“Other Nations pay five to eight per Cent. Custom on their Cargoes ... But the English are at no other Charge than the usual Present to the King and Courtiers.”

¹¹³ Di antara perjanjian itu termasuklah;

1. Perjanjian Belanda - Johor 1639
2. Perjanjian Belanda - Johor 1642
3. Perjanjian Belanda - Jambi 1709, 1721
4. Perjanjian Belanda - Inderagiri 1758
5. Perjanjian Belanda - Palembang 1763
6. Perjanjian Belanda - Perak 1765
7. Perjanjian Belanda - Rembau 1776

lada hitam kepada pihak Belanda dengan harga yang telah ditetapkan dalam perjanjian itu. Pedagang-pedagang asing dilarang dan dihalang singgah di pelabuhan negeri-negeri Melayu untuk berdagang. Kain, candu dan hasil-hasil dari barat yang diperlukan oleh negeri-negeri Melayu diwajibkan dibeli daripada pihak Belanda. Kapal-kapal perang Belanda akan meronda di sekitar Selat Melaka bagi menguatkuasakan larangan ini. Oleh kerana tekanan yang melampau daripada pihak Belanda, negeri-negeri Melayu itu kemudian telah mencari jalan untuk menjual hasil-hasil mereka terutama timah dengan harga yang lebih menguntungkan kepada pihak Barat yang lain khususnya Inggeris. Oleh kerana itu perdagangan secara "menyeludup" atau secara gelap sering dilakukan bagi mengelakkan halangan daripada pihak Belanda.

Di samping wujud perbezaan perhubungan di antara pedagang Barat dengan pedagang yang lain, wujud juga perbezaan di antara pedagang Islam dengan yang bukan Islam. Walaupun perkara ini tidaklah jelas di pelabuhan-pelabuhan lain, tetapi ia amat jelas di Aceh. Pedagang-pedagang Islam yang berdagang di Aceh akan mendapat perlindungan daripada raja. Sekiranya berlaku apa-apa kemalangan kepada mereka seperti dibunuh atau dirompak, raja akan mengambil tindakan balas.¹¹⁴ Jaminan ini tidak diberikan kepada pedagang bukan Islam. Pedagang bukan Islam kecuali pedagang Hindu, tidak dibenarkan bermalam di darat dan seandainya

8. Perjanjian Belanda - Siak 1782

9. Perjanjian Belanda - Johor 1784

¹¹⁴ Libat K.F.H.van Langen, *op.cit.*, h. 80.

dia berbuat juga demikian dan berlaku perkara-perkara buruk ke atas dirinya, pihak kerajaan tidak akan bertanggungjawab.¹¹⁵

Akan tetapi setelah laluan perdagangan di Selat Melaka dikuasai oleh pihak Belanda pada abad ke-18M, dan wujudnya perjanjian monopoli perdagangan di antara kuasa penjajah itu dengan pemerintah-pemerintah tempatan, cara perdagangan yang dijalankan telah mula berubah. Semua hasil utama negeri-negeri itu terpaksa dijual terus kepada pihak Belanda dengan harga yang telah ditetapkan. Namun demikian, pihak Belanda hanya dapat menguatkuasakan kekuasaannya di bahagian tengah dan selatan Selat itu. Bahagian utara khususnya Aceh dan Kedah masih dapat menjalankan perdagangan mereka dengan bebas.

¹¹⁵ Fasal 21 dan 22 daripada *Dafiar Paduka Sri Sultan Mahkota Alam Iskandar Muda*, mencatatkan bahawa,

21. *Jikalau orang luwaran yang lain agama dari pada agama Islam yang lain dari pada orang Hindi tiada boleh ditarima oleh orang negeri tinggal duduk di dalam kampungnya metainkan disuruh batik ke laut ke dalam tempatnya.*
22. *Jikalau orang lain agama itu hendak tinggal juga duduk di darat ke dalam kampung orang Islam kalau dapat celaka mati atau luka atau kena rampas hartanya dalam kampung itu yang buwat ainaya atau lain orang jahat kalau mati-mati saja luka-luka saja kalau dirampas hartanya habis saja tiada ditarima pengaduannya oleh raja atau hulubalang sebab dari pada taksirnya sendiri punya salah*